

NEGERI YANG SEMBILAN

(1ST PAGE PROOFS)


NORMALIN H. IBRAHIM

KOLEKSI


NORMALIN H. IBRAHIM

NEGERI YANG SEMBILAN

Daerah kecil pusaka adat
warisan kerajaan berdaulat




NORHALIM HJ. IBRAHIM



Negeri yang Sembilan

Daerah Kecil Pusaka Adat
Warisan Kerajaan Berdaulat



Norhalim Hj. Ibrahim




SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD
1995

Author's Copy

1st Page Proofs

(Chap 1 - 10)


16/6/95


Negeri yang Sembilan
Warisan Satu Peradaban


Sdr Nurhain

Kita mungkin akan menuliskan tajuk
kepada :

[NEGERI YANG SEMBILAN
daerah kecil pesaka adat
warisan kerajaan berdaulat .]



16/6/95



Negeri yang Sembilan

Warisan Satu Peradaban



Norhalim Hj. Ibrahim



SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1995

*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4 Jalan U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan*

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995


ISBN 967 65 3536 2

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau
dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik,
mekanik, penggambaran semula, perakaman
dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu
daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

*Teks diset dalam ITC Century Light 10 poin
Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan Polygraphic (M) Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan*

Isi

<i>Prakata</i>	v
<i>Pendahuluan</i>	vii
1 PENGENALAN	1
2 PEMBUKAAN REMBAU	14
3 PENDUDUK AWAL REMBAU	31
4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU	43
5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU	62
6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG	73
7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT	85
8 KEDATANGAN KUASA BARAT	93
9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA	104
10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU	125
11 BUGIS DI REMBAU	141
12 YANG DIPERTUAN REMBAU	172
13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU	222
14 CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU	259
15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL	305
16 ERA BARU	317
<i>Lampiran</i>	328
<i>Bibliografi</i>	347



Isi

- 1 PENGENALAN
- 2 PEMBUKAAN REMBAU
- 3 PENDUDUK AWAL REMBAU
- 4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU
- 5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU
- 6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG
- 7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT
- 8 KEDATANGAN KUASA BARAT
- 9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA
- 10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU
- 11 BUGIS DI REMBAU
- 12 YANG DIPERTUAN REMBAU
- 13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU
- 14 CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU
- 15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL
- 16 ERA BARU



M.B.N.S. 1.69

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

SRTITIS TINTA

Ketabahan yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita cerita, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang mengannggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku Negeri Yang Sembilan ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan negeri Sembilan Darul Khusus di samping menggalakan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan.

Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Atas nama Kerajaan Negeri, rakaman penghargaan kepada penyusun buku ini.

Salam hormat.

{DATO' SERI UTAMA TAN SRI D. MOHD ISA DATO' IKT. ABD SAMAD}

Author's Copy
21/6/95

Prakata

KEFAHAMAN yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita deria, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang menganggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika (sebelum abad ke-20) berdiri sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku *Negeri Yang Sembilan* ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus di samping mengalukan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah Negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan. Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Kepada penyusun buku ini, bagi pihak kerajaan negeri, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan.

Salam hormat.

DATO' SERI UTAMA TAN SRI HAJI MOHD. ISA
BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

✓ 67

Pendahuluan

PENYUSUNAN dan penulisan *Negeri Yang Sembilan* ini adalah suatu percubaan mengumpulkan bahan-bahan sejarah tentang Kerajaan Rembau. Setakat yang diketahui, belum ada lagi penulisan yang khusus tentang perkembangan politik kerajaan ini. Kebanyakan penulisan yang ada tentang Rembau adalah berkenaan dengan adat dan istiadatnya dengan menyentuh mana yang perlu, sejarah perkembangan politiknya. Fakta dan data sejarah negeri kecil ini sering disentuh dan dibincangkan dalam pensejarahan negeri-negeri Melayu lain. Kebanyakan data dan fakta itu tertulis dalam bahasa asing seperti Inggeris, Belanda dan Portugis. Belum ada lagi sebuah penulisan yang khusus dalam bahasa Melayu tentang sejarah 'Rembau dan Negerinya yang Sembilan.'

Maka adalah tujuan utama penyusunan buku ini untuk mengumpulkan data dan fakta yang bertaburan itu ke dalam suatu penulisan yang mengikut kronologi perkembangan sejarah politik Kerajaan Rembau. Bahan dan sumber yang digunakan untuk penulisan terhad kepada yang ada dalam simpanan penyusun. Dengan itu diperakui bahawa penulisan ini, sebagai langkah pertama dalam menyusun semula sejarah pembangunan politik sebuah negeri yang ketandusan dokumentasi sejarah sendiri, banyak kelemahan dan kekurangannya. Adalah diharapkan bahawa kelemahan dan kekurangan penulisan ini akan menjadi petunjuk dan landasan kepada peminat, penuntut dan ahli sejarah berikutnya untuk memperbaikinya dengan membuat penyelidikan yang lebih terperinci agar tersusun satu pensejarahan kerajaan Rembau dan Negerinya yang Sembilan yang lebih mantap.

Kerajaan Rembau telah bangun selepas jatuhnya Kerajaan Melayu Melaka. Ianya bukan sebuah empayar seperti Johor yang sezaman dengannya ataupun Melaka sebelumnya. Rembau adalah sebuah kerajaan kecil tetapi berjiwa besar. Kerajaan ini untuk lebih kurang 340 tahun, telah dapat mempertahankan diri dan kedaulatannya daripada dijajah. Bagi sebuah negara kecil, ini merupakan suatu kejayaan yang cemerlang. Kejayaannya mempertahankan diri mungkin diinspirasikan oleh sistem kemasyarakatan—*Adat Perpatih*—yang mereka amalkan. Mulai dari awal kedatangan Barat, Portugis, rakyat Rembau telah sanggup bertumpah

PENDAHULUAN

darah dan berkorban nyawa untuk memastikan kebebasan diri dan negerinya. Dalam persejaraan negara kecil ini tidak ada satu individu yang ditonjolkan, seperti halnya Datuk Bahaman di Pahang atau Datuk Maharaja Lela di Perak kerana dalam masyarakat adat ini, setiap anggota masyarakat itu adalah sama rata. Kepentingan yang ditonjolkan bukannya kepentingan individu tetapi kepentingan kelompok yang bersatu padu. Demi kepentingan bersama ini dan demi mempertahankan pusat kedaulatannya, kerajaan Rembau sanggup mengorbankan wilayahnya asal-kan keseluruhan kerajaannya tidak dijajah. Namun akhirnya kerajaan Rembau terpaksa juga mengikut alur yang telah diteroka oleh kerajaan Melayu lain yang lebih besar daripadanya, iaitu tunduk di bawah penjajahan Inggeris.

Rembau dan Negerinya yang Sembilan dapat bertahan begitu lama disebabkan antara lain, kukuhnya kesatuan rakyatnya mengamalkan sistem adatnya. Apabila keharmonian adat itu tercabar oleh rasa tamak haloba di kalangan penganut dan khususnya pemimpinnya akibat ketidakutuhan proses kesinambungan sistem adat (yang diturunkan secara lisan dari generasi ke generasi), serta dilemahkan pula dengan kemasukan sistem ekonomi kewangan kapitalis dan individualistis (yang berlawanan dengan falsafah sistem adat) bawaan Inggeris, keutuhan kesatuan masyarakatnya mulai goyang. Ini seterusnya telah menggegarkan dasar sistem kenegaraan kerajaan Rembau dan menghilangkan keunikannya. Kerajaan Rembau menjadi serupa dengan keadaan negeri-negeri Melayu lain, iaitu dilanda anarki. Justeru itu, apabila negeri-negeri Melayu lain ditelan Inggeris, kerajaan Rembau yang merupakan salah sebuah negeri terakhir di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang dinaunginya, juga turut terjajah.

Inggeris mengambil masa tidak kurang daripada 60 tahun untuk menundukkan kerajaan Rembau menerusi penggunaan segala bentuk tipu muslihat termasuk kekuatan senjata. Akhirnya dengan bantuan pembesar negeri-negeri Melayu lain yang telah dinaunginya serta pembesar-pembesar kerajaan Rembau yang telah dipengaruhi, Weld, Gabenor Inggeris pada ketika itu telah mengheret kerajaan Rembau, khususnya Penghulu Datuk Lela Maharaja Haji Sahil ke 'mahkamah'. Dengan menggunakan aspek tertentu undang-undang inggeris dan mengintrepetasi undang-undang Adat Perpatih sesuai dengan keperluan pihak Inggeris, Weld yang menjadi 'hakim' dalam mahkamah tersebut telah menggunakan sepenuh kuasanya untuk memecat dan melantik Penghulu Rembau.

Mulai tarikh itu Rembau menghadapi zaman keruntuhannya. Daripada sebuah negeri yang merdeka, bebas dan berdaulat, dalam tempoh tidak lebih dari empat tahun, Rembau telah menjadi sebuah daerah kecil yang bernaung di bawah daerah (Tampin) yang 300 tahun sebelum itu adalah sebahagian daripada kerajaannya. Hari ini Rembau merupakan sebuah daerah kecil dalam kerajaan Negeri Sembilan moden.

PENDAHULUAN

Di sini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Negeri Sembilan, khususnya YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang telah memberikan galakan, dorongan dan inspirasi serta perhatian dalam usaha saya menyusun dan menerbitkan buku ini. Tanpa sokongan YAB Tan Sri buku ini tidak mungkin diterbitkan dalam bentuknya sekarang. Kepada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan, khususnya YB Dato' Seri Utama Tan Sri A. Samad Idris selaku pengerusi dan Tuan Haji Muhammad Tainu, setiausaha, juga diucapkan berbanyak terima kasih kerana sumbangan kewangan untuk pembiayaan penyelidikan bagi menyusun buku ini. Kepada Fuad Hashim, jurugambar yang sanggup mengharung sungai dan meredah belukar membantu saya merakamkan tempat-tempat bersejarah di Rembau juga saya ingin merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih. Saya juga terhutang budi kepada ahli jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, kawasan Rembau, terutamanya saudara Nordin Awal dan saudara Mohamad Haji Amoi kerana turut bersusah payah menyediakan dan mendapatkan bahan-bahan untuk buku ini sehingga ia dapat diterbitkan seperti keadaannya sekarang. Saya juga merakamkan terima kasih saya kepada individu-individu lain yang tidak dapat disebutkan nama mereka satu persatu di sini kerana terlalu ramai bilangannya, yang telah membantu saya, sama ada secara langsung ataupun tidak dari mula sehingga terbitnya buku ini.

Akhir sekali patut juga saya nyatakan di sini bahawa kebanyakan gambar dalam buku ini mempunyai rakaman sejarahnya sendiri tetapi ^{ada daripadanya} ~~ia tidak~~ ^{tidak} berkait secara ~~langsung~~ langsung dengan teks yang berakhir apabila masuknya penjajah Inggeris di bumi beradat itu. Tujuan ianya dimasukkan adalah untuk merakamkan dan menjadikannya sebagai dokumen sebelum tempat-tempat tersebut hilang dan musnah dimakan oleh proses perubahan dan pembangunan. Tempat-tempat dan kesan-kesan sejarah kerajaan Rembau yang nyata agak sukar ditemui sekarang. Bekas dan kesan-kesan yang masih ada, jika tidak dilakukan sesuatu yang konkrit oleh pihak yang berkuasa, juga akan turut hilang seperti hilangnya kerajaan dan tamadun adat Melayu Rembau.

Author's Copy
19/6/95*Bugis di Rembau*

ABAD ke-18 telah mendedahkan Rembau kepada satu lagi elemen yang akan mempengaruhi perkembangan politiknya untuk hampir seabad berikutnya, iaitu orang Bugis. Pada tahun 1701 Daeng Merewah¹ dan pengikutnya telah memutuskan hendak menetap di Linggi². Menjelang bulan Oktober tahun tersebut, di Linggi telah > terdapat 600 orang Bugis tidak termasuk wanita dan kanak-kanak. Mereka tinggal di situ tanpa terlebih dahulu mendapat izin Sultan Johor (Andaya, 1987: 267, 305). Kehadiran Bugis yang ramai di Linggi, petempatan yang hampir dengan wilayahnya, telah membimbangkan pihak Belanda di Melaka, dan kebimbangan ini telah disampaikan kepada Kerajaan Johor semasa misinya pergi ke Johor pada 6 Oktober 1701.

Lebih kurang dalam tahun 1711, satu lagi kumpulan orang Bugis di bawah pimpinan Daeng Menompok³ telah sampai ke Linggi. Kehadiran Daeng Menompok ini bererti telah wujud suatu lagi kuasa di Linggi selain daripada kekuasaan Daeng Merewah. Kira-kira antara tahun 1711 dan tahun 1715 terdapat persaingan kuasa antara kedua-dua orang Daeng ini, dan berakhir dengan Daeng Merewah memenangi kepimpinan kumpulan Bugis di kawasan itu. Sehingga menjelang sekitar pertengahan pertama abad ke-18 para pemimpin Bugis di Linggi berpuas hati tinggal di pinggir wilayah beberapa kerajaan Melayu, tanpa mencampuri hal-ehwal mereka. Dengan cara demikian sahaja orang Bugis itu dapat meneruskan institusi dan tradisi politik mereka sendiri yang menjadi asas kepada kekuasaan mereka.

Di sekitar masa yang sama, Johor iaitu penaung Rembau masih dalam proses pemulihan selepas kejutan akibat berlakunya 'pemberontakan' tahun 1699. Sultan Abdul Jalil Riayat Syah telah memindahkan ibu negerinya dari Kota Tinggi ke Pancur. Bagaimanapun menjelang Januari 1701, perdagangan Johor telah mula membayangkan kestabilan. Atas daya usaha Bendahara Tun Mas Anum akhir Johor telah berjaya meningkatkan perdagangannya semula. Dengan itu menjelang tahun 1705 perdagangan Melaka telah merosot kerana Johor telah berjaya menarik para pedagang berniaga di pelabuhannya.

Rembau, setelah lebih kurang 20 tahun berdiam diri, setidak-tidaknya

setakat yang diketahui melalui rekod Belanda, telah tidak terlibat dalam sebarang kontroversi politik melainkan dalam hal-hal yang berkaitan dengan perdagangan, telah muncul semula dalam rekod Belanda. Keadaan Rembau pada abad ke-18 ini agak berbeza daripada abad ke-17. Pada tahun-tahun abad ke-18, penguasaan Johor ke atas wilayah rantau Minangkabau di pedalaman Melaka menjadi lemah. Ini terbukti apabila dalam tahun 1701 Sultan Abdul Jalil telah menyerahkan kuasa naungannya ke atas Nanning kepada Melaka melalui perjanjian perlindungan (Begbie, 1834: 59). Johor dalam tempoh masa berkenaan (1701-04) sedang giat melipatgandakan usaha untuk menarik perdagangan antarabangsa ke pelabuhannya. Rembau yang menjelang abad tersebut telah berjaya mengukuhkan semula ekonominya dan justeru itu kuasa tenteranya, di sekitar tahun 1704-05 telah muncul sekali lagi sebagai duri dalam daging bagi Melaka.

Sehubungan dengan kebangkitan semula Rembau ini maka pihak Belanda, melalui misinya ke Pancor pada 13 Disember 1705 antara lain telah menyentuh fasal perjanjian Johor-Belanda 1689 tentang menahan hamba-hamba. Persoalan 'hamba yang melarikan diri' telah dikaitkan, secara tidak langsung dengan 'aktiviti' jenayah Rembau. Berkenaan dengan perkara ini Bendahara Tun Mas Anum telah memberitahu Melaka bahawa hamba-hamba itu berada di dalam tangan Encik Panda yang berada di Rembau. Beliau menasihatkan Belanda supaya jangan cuba mendapatkan semula hamba-hamba itu kerana orang Rembau sedang 'menimbulkan kekacauan'.

Kekacauan di Rembau ini telah bertukar corak menjadi suatu pemberontakan dalam tahun 1706¹. Secara kebetulan pada masa itu Bendahara Tun Mas Anum sedang berada di Linggi menyelesaikan masalah orang Bugis yang tinggal secara haram di situ. Mungkin oleh sebab kuatnya pemberontakan di Rembau itu, pada 25 Julai 1706, Sri Nara Diraja, telah bertolak dengan membawa lima buah kapal perang untuk membantu Bendahara. Dengan adanya bantuan ini, pemberontakan Rembau itu telah dapat dipatahkan sebelum ia mencetuskan suatu keadaan yang lebih berbahaya. Untuk menguatkan semula ketuanan Johor dan untuk mengelakkan daripada berlakunya pemberontakan yang lain, pada tahun 1707 Bendahara Tun Mas Anum telah menganugerahkan satu cap mohor kepada Penghulu Rembau. Pada cap tersebut ditulis dengan restu Bendahara Sri Maharaja' (Winstedt, 1934, 56, 1962: 136).

Pada 13 Mac 1709, Pancor ibu negeri Johor telah musnah akibat kebakaran. Sultan Abdul Jalil, atas desakan dan usaha Raja Muda⁵ telah memindahkan ibu negerinya ke Riau yang terletak di Pulau Riau. Perpindahan ini berlaku di sekitar bulan Jun 1709. Atas daya usaha dan tenaga Raja Muda menjelang tahun 1710, Riau, meskipun terpaksa menghadapi beberapa pemberontakan, telah berkembang sama seperti keadaannya

yang berlaku semasa awal Paduka Raja Tun Jamil menaikkan Johor dalam tahun 1673 dahulu, baik dari segi perdagangan mahupun ketenteraan.

Sehingga Januari 1795, Rembau tidak terlibat dengan krisis yang berlaku di sebelah luar kawasan sempadan tenggara dan barat wilayahnya. Namun, dalam bulan Februari tahun berkenaan Sri Bija Wangsa dengan beberapa pengiringnya telah sampai ke Rembau menemui Datuk Kurap. Sri Bija Wangsa telah memberitahu Datuk Kurap bahawa satu angkatan perang Johor yang terdiri daripada tujuh buah kapal sedang berada di Sungai Penajih. Beliau memaklumkan bahawa beliau telah datang bersama dengan Orang Kaya Paduka Sri Dewa dan Encik Yusuf. Tujuannya datang ke Rembau itu adalah meminta bantuan tenaga tentera untuk mengeluarkan orang Bugis dari Linggi. Permintaan yang sama juga telah dipohon daripada Penghulu Sungai Ujong dan Orang Kaya Paduka Sri Dewa telah pergi ke/untuk menyampaikan hasrat itu. Setelah berbincang dan bermuafakat dengan Datuk Lembaga Tiang Balai Datuk Kurap mendapati Rembau tiada pilihan melainkan menunaikan kehendak Sri Bija Wangsa itu.

Sri Bija Wangsa dengan tentera Rembau dan Orang Kaya Paduka Sri Dewa dengan tentera Sungai Ujong telah bergabung dengan angkatan perang Johor yang menunggu bersama Encik Yusuf di Pangkalan Atap, Lubuk China. Angkatan perang ini menghilir ke kawasan Linggi dan mendirikan kubu pertahanan yang saling berhadapan dengan kubu Bugis. Setelah berperang untuk beberapa hari, pada suatu malam orang Bugis telah berjaya menyerbu kubu pertahanan Johor-Rembau-Sungai Ujong dan memaksa mereka lari dengan perahu. Peperangan ini berakhir dengan kekalahan di pihak Johor-Rembau-Sungai Ujong. Kemalangan di kedua-dua belah pihak tidak teruk dengan dua orang Bugis menderita luka-luka akibat kena tembakan dan sepuluh orang akibat perangkap, sementara seorang keturunan Minangkabau mati dan seorang luka dan di pihak tentera Johor hanya seorang sahaja yang luka (Andaya, 1987: 310). Angkatan Johor-Rembau-Sungai Ujong telah memudiki Sungai Penajih mencari perlindungan.

Berita kekalahan ini telah disampaikan ke Riau. Dalam bulan Mei 1715 satu angkatan perang yang mengandungi lebih kurang enam puluh buah kapal perang di bawah pimpinan Temenggung Tun Abdul Jamal telah berlepas ke Rembau untuk sekali lagi melakukan serangan ke atas orang Bugis di Linggi. Dia telah membawa angkatan perang itu ke suatu tempat antara Sungai Penajih dan Tanjung Tuan. Berita kehadirannya itu telah disampaikan kepada Sri Bija Wangsa, Orang Kaya Paduka Sri Dewa dan Encik Yusof yang berada di Rembau. Angkatan Johor di Rembau bersama dengan orang Rembau dan Sungai Ujong telah menghilir mendapatkan Temenggung di kubunya.

Setelah mengadakan perundingan, Temenggung Tun Abdul Jamal te-

Iah mengirim Encik Yusof, iaitu saudaranya sendiri, ke Muar untuk mendapatkan bantuan. Bantuan ini adalah perlu kerana orang Bugis dari Tangga Batu di bawah pimpinan Daeng Matimo (saudara lelaki Daeng Menompok) telah berkumpul di Linggi untuk membantu Daeng Merewah dan Daeng Menompok. Dalam perjalanannya ke Muar, Encik Yusof telah dilanda ribut kencang dan terkandas ke pantai di Tanah Merah. Dia dan anak perahunya telah ditangkap oleh orang Bugis dan dihukum bunuh atas perintah Daeng Merewah. Berita tentang kegagalan Encik Yusof meminta bantuan dan pembunuhannya itu telah disampaikan kepada Temenggung. Dalam peperangan yang berikutnya sekali lagi angkatan Johor-Rembau-Sungai Ujong mengalami kekalahan.

Beberapa bulan kemudian, sekali lagi Rembau telah menghantar tenteranya seramai antara 600 hingga 700 orang membantu angkatan perang Johor di bawah pimpinan Laksamana Sri Nara Diraja dan Sri Bija Wangsa. Ekspedisi kali ini bukan bertujuan untuk melanggar Linggi tetapi adalah untuk menghukum para penduduk yang telah membantu pihak Bugis di dalam perang sebelumnya. Angkatan itu telah pergi ke Air Hitam dan Sungai Tuan yang terletak berhampiran dengan Sungai Baru. Tentera Johor telah mendirikan kubu di satu tempat di tepi tebing sungai itu dan pihak Bugis pula telah membuat kubu di tebing yang lagi satu.

Melihat keadaan yang genting iri dan berlaku pula di wilayahnya, pihak Belanda telah menghantar wakil kedua-dua belah pihak, Johor dan Bugis, menuntut supaya mereka meninggalkan wilayah Belanda itu. Dengan demikian, terelaklah daripada terjadinya peperangan. Orang Rembau telah balik menemui Datuk Kurap memaklumkan segala kejadian yang berlaku. Orang Bugis pula, selepas tentera Johor berundur, telah membahagikan wilayah petempatan mereka. Daeng Merewah dengan pengikutnya telah mengambil bahagian selatan Sungai Penajih, sementara Daeng Menompok dan pengikutnya menduduki bahagian utara sungai yang sama. Mengetahui akan keadaan ini membuat Johor lebih berazam untuk menegaskan kekuasaan dan merampas semula Linggi daripada Bugis. Sementara membuat perkiraan perang dan serangan yang baru orang Johor telah mengepung Sungai Penajih dengan harapan secara perlahan-lahan akan melemahkan kekuatan pihak Bugis.

Penglibatan orang Rembau dan juga Sungai Ujong dalam peperangan Johor-Bugis ini tidak terhenti di situ sahaja. Dalam bulan April 1716 orang dari kedua-dua buah wilayah ini telah terpaksa membantu angkatan Raja Muda Tun Mahmud mempertahankan Selangor. Daeng Merewah dengan satu angkatan Bugis yang mengandungi sebelas buah kapal dan 300 orang pengikutnya telah menyerang pasukan Raja Muda. Perang ini juga telah memihak kepada pasukan Bugis yang berjaya menakluki Selangor. Dengan kekalahan ini bermakna Bugis sekarang menguasai Linggi dan Selangor.

Penguatkuasaan Bugis di Linggi ini telah membimbangkan Kerajaan Rembau. Kedua-dua suku bangsa Melayu ini mempunyai sistem nilai dan budaya yang berasingan. Orang Bugis kuat dengan adat nasab bapanya, dan orang Rembau pula dengan sistem nasab ibunya, iaitu dua sistem yang agak bertentangan. Kedua-dua suku bangsa itu berpegang kuat kepada sistem budaya masing-masing. Orang Rembau juga menyedari bahawa orang Bugis adalah suku bangsa pejuang yang baik, dan mereka sedang berusaha mencari suatu tempat kediaman yang baru setelah mengalami berbagai-bagai kesukaran di Jawa dan Sumatera. Sebagai orang terdesak, orang Bugis yang sememangnya kaum pejuang, adalah bersifat agresif. Dalam situasi yang sedemikian, dan setelah menyaksikan sendiri keunggulan orang Bugis dalam peperangan, 'kebolehan' Rembau sedang terancam. / *kebebasan*

Bagi Johor pula, terutama sekali Raja Muda, kekalahan di tangan angkatan Bugis yang lebih kecil adalah sangat memalukan dan berupa suatu tamparan kepada kewibawaannya. Musuh peribadi Raja Muda menjadi semakin berani disebabkan kegagalan beliau. Mereka ini pula disokong oleh semakin ramai pengikut yang berasa kecewa dengan cara Raja Muda mengendalikan soal perang dan urusan kerajaan. Peperangan terus berlarutan. Keadaan ini telah beransur-ansur mengikis keyakinan semua pihak, baik di dalam mahupun di luar Johor terhadap kemampuan Raja Muda memberikan perlindungan ke atas perdagangan. Keadaan ini diruncingkan lagi apabila pihak Belanda tidak lagi menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh untuk membantu Johor. Dengan ini sebagai latar belakang, dalam bulan Julai 1716 Sultan Abdul Jalil telah berpindah semula ke tanah besar Johor. Bagaimanapun, perubahan ibu negeri ini tidak dapat menyelamatkan Johor daripada kemerosotan.

Konflik dalam istana, kesetiaan rakyat yang berbelah-bagi antara Raja Muda Tun Mahmud dengan Orang Kaya Johor yang lain, kezurran Sultan Abdul Jalil dan ancaman serangan daripada luar (Bugis dan Bengkalis) telah melemahkan pertahanan Johor. Keadaan kucar-kacir di dalam negeri ini telah dipergunakan oleh Raja Kecil⁶ untuk menyerang dan menawan Johor dalam bulan Mac 1718⁷. Raja Kecil telah menggelarkan dirinya sebagai Sultan Abdul Jalal Rahmat Syah.

Penaklukan Johor secara sendirian oleh Raja Kecil ini telah mengecewakan orang Bugis⁸. Walau bagaimanapun peluang pihak Bugis menguasai Johor tetap cerah apabila putera Sultan Abdul Jalil, iaitu Raja Sulaiman, meminta bantuan Bugis untuk mengusir Raja Kecil keluar dari Riau. Seperti biasa pihak Bugis membayangkan cita-cita politiknya, jika berjaya, salah seorang putera itu⁹ menjadi Yang Dipertuan Muda turun-temurun. Pertapakan orang Bugis di Johor dimulakan dengan langkah diplomasi. Daeng Perani telah berkahwin dengan Tengku Tengah, puteri Sultan Abdul Jalil, manakala Tengku Mandak, puteri Sultan Sulaiman,

dijodohkan dengan Daeng Celak. Ikatan politik, melalui perkahwinan ini dengan mudah menguatkan pengaruh Bugis. Akhirnya angkatan Johor dan Bugis berjaya mengusir keluar Raja Kecil pada tahun 1722.

Penaklukan Raja Kecil ke atas Johor (1718-22) menandakan kemunculan orang Minangkabau sebagai suatu tenaga politik yang penting dalam arena politik di Selat Melaka (Andaya, 1987: 361). Dia telah mewujudkan suatu ikatan politik yang longgar di kalangan orang Minangkabau yang dikuasainya sehingga kematiannya pada tahun 1746. Kedua-dua pihak Belanda dan Melayu kini menghormati orang Minangkabau dan tidak lagi boleh menganggap mereka sebagai suatu kumpulan pinggiran dalam kegiatan politik di alam Melayu. Penubuhan kerajaan Siak oleh Raja Kecil memberikan suatu pangkalan kuasa dari mana para pemerintah Siak dapat menguasai taat setia orang Minangkabau di rantau lain.

Apa yang dilakukan oleh Raja Kecil ini pernah dikonsepkan dan cuba dilahirkan oleh seorang putera Minangkabau, Raja Ibrahim 40 tahun sebelum Raja Kecil menakluki Johor. Pada masa itu (1677) pangkalan kuasa yang cuba hendak ditubuhkan adalah Rembau, sebuah kerajaan kecil berbanding dengan Kerajaan Siak. Raja Kecil, walaupun bukan putera Minangkabau sejati (orang awak) melainkan anak angkat keluarga Yam-tuan Pagarruyung, lebih berjaya daripada Raja Ibrahim atas beberapa sebab. Antara sebab utama adalah:

1. Raja Kecil mempunyai para pengintip yang cekap dan dengan maklumat yang mereka perolehi dan sampaikan membolehkan Raja Kecil menyerang di kala Johor berada dalam keadaan lemah.
2. Beberapa orang pembesar utama dan rakyat Johor telah bersedia memberi sokongan kepada Raja Kecil.
3. Johor pada ketika itu boleh dikatakan bersendirian. Pihak Belanda tidak berapa berminat untuk membantu Johor, malahan bagi mereka, kejatuhan Johor bermakna Melaka tiada saingan lagi dalam perdagangan dan ketenteraan di Selat Melaka.
4. Raja Kecil telah mendapat bantuan dan sokongan daripada kerajaan rantau alam Minangkabau yang lain, dan Orang Laut¹⁰ di bawah pimpinan Raja Negara Selat; malahan pihak Bugis sendiri sanggup membantunya. Dengan kata-kata lain, hampir semua pihak mahu melihat Johor dimusnahkan.

Sebaliknya, apabila Raja Ibrahim cuba menegakkan idea yang sama beliau telah menemui kegagalan. Kegagalan Raja Ibrahim antara lain adalah disebabkan faktor-faktor berikut:

1. Kuasa yang diserangnya, iaitu pihak Belanda adalah sebuah kuasa kuat yang mempunyai sokongan dari Betawi jika terdesak.
2. Raja Ibrahim tidak mendapat sokongan dan bantuan dari negeri-negeri rantau Minangkabau yang lain. Negeri-negeri rantau Minang-

impire
the #

di Rembau juga

kabau yang lain, yang besar seperti Kuantan dan Bengkalis sedang menghadapi masalah sendiri.

3. Raja Ibrahim dan Rembau tidak mempunyai angkatan laut yang kuat untuk mengepung Melaka.
4. Kerajaan Johor yang mencemburui kebangkitan Raja Ibrahim dan orang Rembau (wilayah naungannya) akan menyokong Melaka seandainya pihak Belanda memerlukannya. Malahan Johor telah mengancam memusnahkan Rembau seandainya Rembau berterusan menyokong dan membantu Raja Ibrahim dalam mencapai cita-citanya itu.
5. Dalam kumpulan inti Raja Ibrahim sendiri terdapat pihak yang belot dan menentangnya sehingga sanggup membunuhnya sebelum dia dapat mengusaha dan menjayakan rancangannya.

Dengan demikian cita-cita Raja Ibrahim untuk mewujudkan sebuah pusat kuasa dan suatu persatuan longgar negeri-negeri rantau alam Minangkabau di Selat Melaka terkandas dan musnah sebelum menjadi kenyataan.

Dalam pensejarahan Rembau, apa yang tidak jelas sehingga sekarang ini ialah bagaimanakah hubungan di antara Raja Kecil dengan orang keturunan Minangkabau di Rembau serta rantau Minangkabau lain di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Di masa Raja Ibrahim cuba menegakkan kewibawaan orang Minangkabau (1677-78) kedudukan wilayah-wilayah tersebut, terutama sekali Rembau (dan Nanning) adalah jelas. Tetapi tidak begitu keadaannya dengan usaha dan kejayaan Raja Kecil¹¹.

Berkaitan dengan ini apa yang boleh kita andaikan ialah walaupun Raja Kecil berjaya mengepalai tentera yang dianggotai oleh orang Minangkabau namun dirinya sendiri bukan keturunan Minangkabau. Mengikut penganalisaan Andaya (1987: 381) setelah meneliti segala peristiwa yang berlaku dalam usaha Raja Kecil menguasai alam Melayu: 'faktor tunggal yang terpenting dalam kejayaan Raja Kecil di alam Melayu' ialah peranan Orang Laut dan bukannya orang Minangkabau. Walaupun Raja Kecil dibesarkan di istana Pagarruyung dan kemudian didaulatkan oleh Yamtuan Raja Alam Pagarruyung, Sultan Ahmad Syah Sultan Gagar Alam dengan gelaran 'Yang Dipertuan Raja Kecil' dan 'Raja Beralah' (Muhammad Yusof Hashim, 1992: 123), namun pada dirinya, beliau adalah anak Sultan Mahmud Syah Johor. Tujuan utama dan mungkin tunggal mengapa beliau menyerang dan menakluki Johor adalah untuk membalas dendam¹². Tegasnya tujuan dan kepentingan peribadi.

Sebelum beliau menakluki Johor, berkemungkinan Raja Kecil telah mendapat restu daripada Kerajaan Pagarruyung, tetapi restu ini telah ditarik balik di sekitar pertengahan tahun 1719. Pada tarikh tersebut, atas perintah istana Pagarruyung, Baginda Sultan Maharaja, adik ipar Sultan Gagar Alam, Raja Alam alam Minangkabau, telah menyerang Raja Kecil di Siak. Tujuan utama titah istana Pagarruyung itu adalah untuk membawa

pulang Raja Kecil ke Pagarruyung dan untuk memulihkan semula Kerajaan Johor (Andaya, 1987: 380). Walaupun Baginda Sultan Maharaja gagal menangkap Raja Kecil, namun pemerian ini jelas menunjukkan bahawa Pagarruyung, iaitu pusat alam Minangkabau sama ada untuk Minangkabau asal ataupun rantaunya, tidak merestui lagi perbuatan dan tindak tanduk Raja Kecil.

Daripada huraian di atas maka andaian yang dapat diutarakan adalah Rembau tidak terlibat secara langsung dalam proses penaklukan Johor. Setelah Johor jatuh, Rembau dan rantau Minangkabau lainnya, melainkan Nanning yang sejak tahun 1701 telah diambil alih kuasa naungannya oleh pihak Belanda, dianggap oleh Raja Kecil sebagai sebahagian daripada wilayah warisan yang datang bersama Kerajaan Johor sebagai satu keseluruhan. Rembau, mungkin pada ketika itu satu-satunya rantau Minangkabau yang berwibawa di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu, tidak dianggap sebagai sekutu oleh Raja Kecil. Dengan demikian, apabila Rembau hendak diserang oleh Daeng Merewah dan pengikutnya melalui Nanning dalam bulan Februari 1721, Raja Kecil telah bertindak seperti raja-raja Johor sebelumnya, iaitu sebagai penaung. Setelah mengetahui akan rancangan Daeng Merewah itu Raja Kecil telah mengutus ke Melaka mengingatkan pihak Belanda supaya melarang orang Bugis melalui kawasan Nanning dan jika diizinkan juga bermakna pihak Belanda adalah musuh orang Minangkabau (Andaya, 1987: 384-85). Nada surat atau utusan Raja Kecil ini serupa seperti suara-suara Johor sebelumnya.

Serangan Raja Kecil ke atas kedudukan Bugis di kawasan Sungai Baru¹⁴⁷ dan Linggi pada 14 Mac 1721 bukan kerana bertindak balas atas keinginan pihak Bugis menyerang Rembau sebelum itu, tetapi adalah suatu usaha Raja Kecil untuk merampas beberapa kawasan lombong bijih timah dan jalan lalu lintas perdagangan dari pedalaman daripada pihak Bugis. Besar kemungkinan, dalam peperangan ini, Rembau tidak terlibat memberi bantuan kepada Raja Kecil. Raja Kecil telah kalah dalam peperangan itu dan telah diburu oleh orang Bugis sehingga ke Melaka.

Kekalahan angkatan perang Raja Kecil 'yang besar' ini telah memberikan keyakinan kepada Daeng Merewah dan orang Bugis. Mereka tanpa takut telah mengisytiharkan di akhir Mac 1721 bahawa wilayah Bugis yang dianggapnya berada di bawah pengaruhnya (Daeng Merewah), merentang dari Melaka hinggalah ke Bernam (Andaya, 1987: 384). Keangkuhan serta kekuatan tentera Bugis ini telah membimbangkan Rembau. Antara Rembau, Sungai Ujong dan Nanning, wilayah Rembau yang paling hampir dengan wilayah Bugis kerana mempunyai sempadan yang sama. Sungai Ujong yang terletak lebih jauh dari Rembau berada dalam keadaan tidak tenteram dan telah meminta dan menerima perlindungan daripada pihak Belanda (Andaya, 1987: 378). Nanning adalah lebih beruntung dalam keadaan yang mencemaskan ini kerana ia berada di bawah naungan pihak

Belanda, dan orang Bugis masih silu untuk menguji kekuatan tentera Belanda.

Keadaan yang mencemaskan ini membuatkan kerajaan Datuk Kurap mencari tempat untuk berlindung. Meminta perlindungan daripada Johor bermakna memburukkan lagi keadaan dan Rembau akan menjadi sasaran pertama orang Bugis. Untuk mendapatkan perlindungan pihak Belanda seperti yang dilakukan oleh Sungai Ujong juga tidak bererti kerana Datuk Kurap dan Lembaga Tiang Balai tidak mahu mengikut jejak dan pengalaman Naning. Perlindungan daripada pihak Belanda adalah pilihan terakhir jika semua pilihan lain gagal.

Rembau masih mempunyai satu lagi pilihan. Jika tidak boleh lagi 'beraja ke Johor' dan tidak mungkin 'bertali ke Siak', Rembau masih boleh 'bertuan ke Minangkabau'. Dengan berpanduan kepada perbilangan adat ini, Datuk Kurap bersama dengan Tiang Balai Yang Empat berserta dengan datuk lembaga yang lain telah bulat untuk menghadap Raja Alam, Yang Dipertuan Pagarruyung untuk mengadakan hal. Pada pertengahan tahun 1721, beberapa orang besar telah berlepas ke Minangkabau. Mereka yang pergi itu terdiri daripada Datuk Johan, Datuk Andatar, Datuk Laksamana, Datuk Panglima Sutan dan Datuk Panglima Raja (Lister, 1887: 41; Norhalim Hj. Ibrahim, 1993 (c):10). Permintaan Rembau ini diperkenankan oleh Yang Dipertuan Raja Alam Pagarruyung, mungkin Yang Dipertuan Patah Sultan Abdul Jalil (1719-1780)¹⁴. Seorang putera telah diutus untuk melindungi rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu.

Kehadiran putera Minangkabau di Rembau di sekitar tahun 1721 ini (Begbie, 1834: 61) telah menjadi saingan (Andaya, 1987: 363) kepada kekuasaan Raja Kecil yang dikatakan sebagai pusat penghimpunan pasukan tentera yang terdiri daripada orang Minangkabau. Pengiriman putera Minangkabau ke Rembau mungkin juga boleh difahamkan bahawa Kerajaan Pagarruyung tidak lagi bersama Raja Kecil yang gagal dipanggil balik oleh Baginda Sultan Maharaja dalam tahun 1719 dahulu. Justeru itu, Yang Dipertuan Raja Alam Pagarruyung sememangnya, apabila memenuhi kehendak Rembau, bertujuan untuk memberi saingan, seperti saranan Andaya, kepada Raja Kecil dan kekuasaan Siak.

Begbie, semasa menyatakan tentang kehadiran seorang 'anak raja Minangkabau' ini tidak pula menyebut namanya. Wilkinson (1911: 19) menyarankan putera itu mungkin bernama Raja Kasah¹⁵ dan kenyataannya ini dipersetujui oleh Winstedt (1934: 59). Andaya (1987:412) yang banyak sekali menggunakan bahan bertulis Belanda, seperti yang dinyatakan di atas, mengakui tentang kehadiran putera raja ini dan menyebutkan namanya sebagai Raja Melewar. Pendapat Andaya ini dipersetujui oleh Khoo Kay Kim (1990: 5).

Daripada pemerian di atas ahli sejarah Negeri Sembilan, khususnya Rembau telah menyarankan dua nama—Raja Kasah dan Raja Melewar—

sebagai putera Minangkabau yang hadir di Rembau di sekitar tahun 1721-22. Menurut Wilkinson (1911: 19) Raja Kasah, yang mencatatkan semula (terjemahan Inggerisnya) cerita lisan yang diberikan oleh Datuk Kelana Sungai Ujong, Datuk Maamor bin Kassim (1889-1945), telah 'dihantar' oleh (sent by) Raja (Alam) Minangkabau (ke Rembau/Negeri Sembilan). Kedatangan Raja Kasah itu 'disambut' (received) oleh penghulu yang empat¹⁷. Winstedt (1934: 59) yang mungkin menggunakan sumber Wilkinson, telah memberikan naratif yang agak berbeza. Beliau menyatakan bahawa Raja Kasah 'dipanggil oleh' (summoned by) oleh para penghulu Sungai Ujong¹⁷, Johol¹⁸, Naning¹⁹ dan Jebebu²⁰.

Selain daripada perbezaan nama, tujuan Raja Kasah datang ke Rembau juga berbeza. Mengikut Wilkinson dan Winstedt, beliau datang untuk memperkenalkan (introduced) undang-undang Minangkabau, seperti yang dikehendaki oleh para penghulu tersebut (as the four penghulus desired). Namun, oleh sebab Raja Kasah tidak mampu menunaikan kehendak keempat-empat orang penghulu itu, beliau dihantar balik ke Minangkabau. Wilkinson, dan kemudian Winstedt yang pada awalnya (1934) tidak menyebutnya tetapi kemudian sependapat (1962: 136) dengan Wilkinson, mengaitkan Raja Kasah ini dengan laporan Belanda yang menyatakan bahawa dalam tahun 1722 telah hadir seorang putera raja Minangkabau di Rembau untuk mengepalai rakyat Rembau menentang Bugis. Kedua-dua orang ahli sejarah ini bagaimanapun tidak pula menyatakan bila Raja Kasah ini dikirim balik ke Minangkabau; namun kita boleh mengandaikan bahawa ini berlaku dalam tahun yang sama (1722).

Berkait dengan tujuan kehadiran 'anak raja Minangkabau' ini Andaya mungkin telah memberikan interpretasi yang lebih tepat. Raja Kasah jika begitulah namanya ataupun Raja Melewar telah dijemput dan dikirim atas tujuan lain daripada yang dinyatakan di atas. Beliau dijemput kerana rakyat Rembau khasnya dan rakyat rantau Minangkabau yang lain amnya memerlukan perlindungan daripada orang Bugis, dan mungkin juga daripada Raja Kecil (sebagai Sultan Johor-Siak) sendiri. Bagi Raja Minangkabau pula anak raja itu dikirim untuk memberi saingan kepada Raja Kecil.

Berdasarkan pemerihalan di atas, dilihat dari tujuan atau sebab anak raja Minangkabau itu dijemput dan dikirim, serta diperkukuhkan pula oleh sumber Belanda jelaslah bahawa beliau itu adalah Raja Melewar. Untuk melicinkan pemerintahan dan pentadbiran serta untuk memenuhi sebab dia berada di Rembau, Raja Melewar telah dilantik dan ditabalkan menjadi Raja Rembau mengikut adat di Penajih. Dengan penabalan itu barulah beliau boleh menjalankan peranannya sebagai 'pelindung' di samping itu memenuhi keperluan struktur dan organisasi politik adat dan secocok pula dengan perbilang adat: 'alam beraja' dan 'keadilan pada raja'.

Dengan hadirnya Raja Melewar di Rembau sebagai raja dan juga pe-

naung kepada rantau Minangkabau yang lain di Semenanjung Tanah Melayu bermakna penguasaan Raja Kecil di kawasan tersebut sudah tiada. Raja Kecil yang dihalau keluar oleh gabungan tentera Bugis dan Johor (1722) ingin mengukuhkan semula kedudukannya di Semenanjung Tanah Melayu, memerlukan bantuan rakyat keturunan Minangkabau di kawasan ini. Beliau tidak akan mendapat sokongan daripada Raja Melewar yang di-datangkan untuk menentangnya. Ini bermakna, jika Raja Kecil masih mahukan bantuan Rembau, Raja Melewar harus dihapuskan. Untuk mencapai tujuan ini, Raja Kecil telah mengirim Raja Khatib ke Rembau. Tugas utama Raja Khatib adalah menjatuhkan dan menggulingkan Raja Melewar (Andaya, 1987: 412; Khoo Kay Kim, 1990: 5), dan menjadikan dirinya Raja Rembau.

Raja Khatib telah tiba di wilayah sini mungkin pada sekitar tahun 1723. Apa yang pasti ialah beliau tidak tinggal di Rembau kerana orang yang hendak ditentang dan dihapuskan menjadi raja di situ. Beliau juga tidak mungkin mempengaruhi Datuk Kurap, Penghulu Rembau kerana datuk itu yang bertanggungjawab atas kedatangan Raja Melewar dan pertabalannya sebagai raja di Rembau. Dengan demikian, Raja Khatib harus mendapat bantuan daripada pembesar lain, dan orang yang dapat dipengaruhi adalah Datuk Naam²¹, Penghulu Ulu Muar. Penghulu Naam telah menempatkan Raja Khatib di lembah Sri Menanti.

Dengan bantuan Penghulu Naam dan pembesar lain di Ulu Muar Raja Khatib berjaya mengadakan suatu angkatan perang. Dengan diiringi oleh para pengikutnya yang datang dari Siak berserta orang Ulu Muar Raja Khatib telah mara ke Rembau. Berita kedatangan angkatan perang Raja Khatib ini, dan mungkin angkatan ini yang dikatakan sebagai 'suatu angkatan perang dari Sri Menanti' yang dilaporkan oleh Penghulu Nanning kepada pihak Belanda (Begbie, 1834: 61), telah diterima oleh Raja Melewar dan Datuk Kurap. Satu pertempuran berlaku di Kampung Bukit antara angkatan perang Raja Khatib dan orang Rembau di bawah pimpinan Raja Melewar. Dalam peperangan ini, pihak Raja Melewar menerima kekalahan, dan beliau berundur dan mendapat perlindungan di Sepri (Buyung Adil, 1981: 46, Khoo Kay Kim, 1990: 5). Setelah berjaya menggulingkan Raja Rembau, Raja Khatib balik ke Sri Menanti.

Kejayannya ke atas Raja Melewar ini telah memberi keyakinan diri kepada Raja Khatib. Beliau bercita-cita untuk meluaskan pengaruhnya ke Nanning, wilayah naungan Belanda. Hasratnya ini mendapat sokongan Penghulu Ulu Muar, Datuk Naam, khususnya para-pembesar di Sri Menanti. Penghulu Johor yang baru dilantik, Datuk Puteri Siti Awan (1723-47), dan beberapa orang Datuk Lembaga dari Tampin juga bersedia untuk membantunya²² (Andaya, 1987: 412). Tetapi sebelum sempat beliau menjalankan percubaan ini beliau telah diserang oleh Raja Melewar.

Sementara itu di Rembau, pada sekitar tahun 1725, Datuk Kurap yang uzur telah meninggal dunia. Mengikut aturan giliran, penghulu berikutnya adalah daripada waris Biduanda Jakun. Bagaimanapun, mengikut terombo, semasa jenazah Datuk Kurap hendak dikebumikan, pihak Biduanda Jakun tidak dapat mencari calon yang layak. Justeru itu, kerusi²³ di bahagian depan jenazah tinggal kosong. Melihat keadaan ini Sabat atau dikenali juga sebagai Sobok, seorang ahli waris Biduanda Jawa dengan keris terhunus telah menduduki kerusi tersebut sambil mencabar siapa yang berani mempertikaikan haknya. Walaupun telah berumur, Sabat, adalah seorang pendekar, justeru itu tiada siapa yang berani menjawab cabarannya, termasuk ahli waris Biduanda Jakun. Dengan demikian, selepas jenazah dikebumikan, Sabat dikerjankan sebagai penghulu baru. Ini bermakna untuk sekali giliran lagi ~~sekitarnya~~ aturan giliran pemulihan penghulu diketepikan.

Raja Melewar, yang berundur ke Sepri, selepas Raja Khatib balik ke Sri Menanti telah balik ke Astana Raja. Dalam peristiwa 'perampasan' kuasa di masa pengebumian jenazah Datuk Kurap itu, sebagai raja beliau tidak turun tangan kerana ianya adalah berkaitan dengan aturan adat Rembau. Sebagai raja, 'keadilan' beliau hanya dirujuk jikalau perlu. Dalam peristiwa ini, rakyat Rembau telah bulat menerima keputusan: berdasarkan kekuatan dan keberanian Sabat berjaya menjadi penghulu.

Setelah keadaan tenang semula, Raja Melewar menghimpunkan kesemua para pembesar Rembau—Datuk Sabat, Lembaga Tiang Balai dan Lembaga-lembaga lain dari Rembau Darat dan Baruh membincangkan tentang perbuatan Raja Khatib melanggar Rembau. Semua pembesar Rembau bersetuju atau 'bulat' mengikut kata adat, menyerang balas Raja Khatib di Sri Menanti. Dalam peperangan itu, Raja Khatib menerima kekalahan dan Datuk Naam telah dibunuh²⁴. Raja Khatib berjaya melepaskan diri dan mencari perlindungan di Naning, iaitu wilayah yang bakal diserangnya seandainya Raja Melewar tidak menyerangnya terlebih dahulu. Pihak Belanda yang tidak mahu Rembau dan juga Bugis menuduhnya sebagai memberi perlindungan kepada musuh mereka, yang mungkin akan membawa kepada persengketaan, telah memberkas Raja Khatib. Pada 15 Februari 1728 pihak Belanda telah menghantarnya kembali ke Siak. Oleh sebab pada ketika itu Raja Kecil sedang mengepalai suatu angkatan serang ke atas Riau, Raja Khatib telah diserahkan kepada Syahbandar Siak (Andaya, 1987: 412-13), Khoo Kay Kim, 1990: 5).

Mengikut Khoo Kay Kim:

Kemunculan nama 'Raja Melewar' dalam laporan-laporan Belanda pada tahun 1727-28 sangatlah penting dalam sejarah Negeri Sembilan. Setakat ini, menurut sumber-sumber tempatan yang rasmi, Raja Melewar telah dilantik sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1773. Tahun ini juga dianggap sebagai permulaan kerajaan Negeri Sembilan. Sumber Belanda membuktikan Raja

Melewar (dikenali sebagai 'Raja Rembau') telah ada di Semenanjung pada tahun 1727, besar kemungkinan lebih awal kerana Raja Khatib dihantar pada tahun itu untuk menggulingkan Raja Melewar yang memang sudah ditetapkan sebagai Raja Rembau.

(Khoo Kay Kim, 1990: 5-6).

Dengan terbuktinya kehadiran Raja Melewar di awal tahun 1720-an sebagai raja bermakna struktur dan organisasi sosiopolitik Rembau dan Negeri Sembilan menjadi lengkap. Ianya lengkap dari segi tuntutan keperluan sistem politik bagi sebuah rantau Minangkabau—'luhak berpenghulu, rantau beraja'—dan juga daripada keperluan sosial Adat Perpatih (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993 (c): 23).

Dalam masa pemerintahan Raja Melewar suasana politik di Rembau agak tenteram. Namun keadaan sosial dalaman bergolak akibat daripada tindak-tanduk Raja Melewar sendiri. Datuk Sabat kurang senang dengan tingkah laku dan personaliti Raja Melewar yang telah mengahwini Cik Sari, anak gadis Datuk Naam dan adik kepada Warna Emas isteri Raja Khatib. Datuk Sabat serta anggota lembaganya telah bermuafakat untuk mengusir Raja Melewar keluar Rembau. Beliau dipersilakan menemui Datuk Sabat dan para lembaga Rembau di Balai Penghulu. Dalam pertemuan itu, Datuk Sabat memberitahu Raja Melewar supaya meninggalkan Rembau dengan secepat mungkin; dan diberi tempoh seminggu untuk membuat segala persiapan.

Menyedari hakikat bahawa dia tidak dikehendaki lagi di Rembau, Raja Melewar dengan diiringi pengikut dan tenteranya serta dikawal oleh tentera Rembau telah berangkat menuju ke Sri Menanti, iaitu kawasan isterinya dan sesuai pula dengan pola petempatan pasangan selepas berkahwin mengikut aturan Adat Perpatih-matrilokal. Dalam perjalanan ini suatu pertempuran berlaku antara hulubalang Rembau dengan pengikut Raja Melewar akibat salah faham semasa berhenti berehat di kawasan rekreasi di Lubuk Rusa berhampiran dengan Kampung Selernak. Berita pertempuran ini telah merebak ke seluruh Rembau. Satu kumpulan orang Rembau telah berhimpun di Pedas untuk menyekat kemaraan Raja Melewar. Beliau dan angkatananya telah berundur dan diburu oleh tentera Rembau sehingga ke hutan Miku. Dengan bersusah payah merempuh hutan akhirnya Raja Melewar dan angkatananya sampai ke Sri Menanti. Beliau menetap di situ sehingga dia meninggal dunia di sekitar awal tahun 1740-an. Raja Melewar, selama dia memerintah di Rembau dan kemudian semasa dia berada dalam buangan di Sri Menanti tidak diberi atau menggunakan gelaran 'Yang Dipertuan Besar'. Beliau hanya dikenali sebagai Raja Rembau.

Untuk beberapa tahun selepas kematian Raja Melewar, Rembau serta negeri-negeri di sekitarnya tidak mempunyai *de facto* dan *de jure*. Pada masa kekosongan ini, Johor yang mulai pulih daripada penaklukan Siak

dan mempunyai kekuatan Bugis di belakang takhtanya telah mengambil alih semula peranan penaung ke atas Rembau dan Sungai Ujong, Johor dan Naning (Begbie, 1834: 64). Pada teorinya wilayah-wilayah ini bertuankan Johor tetapi pada praktiknya adalah di bawah kekuasaan Bugis²⁵. Dalam tahun-tahun sebelum dan semasa serta selepas pemerintahan Raja Melewar, kegiatan orang Bugis hanya tertumpu di Linggi sahaja; tetapi mulai pemerintahan Datuk Lulinsun, Bugis telah berada di Rembau.

Berkaitan dengan kehadiran Bugis di Rembau ini, suatu kenyataan Begbie (1834: 64) tentang adanya seorang 'Raja Di Pedalaman' (*Rajah of the Interior*) yang dilantik oleh Bugis di sekitar tahun 1750-an itu perlu diambil perhatian. Besar kemungkinan orang yang dimaksudkan itu adalah Raja Adil²⁶ walaupun Begbie mengidentifikasinya sebagai Daeng Kemboja. Menurut Khoo Kay Kim, pada tahun 1748, Daeng Kemboja ditabalkan sebagai Yamtuan Muda Johor²⁷ dan besar kemungkinan pada ketika inilah beliau diiktiraf sebagai *Rajah of the Interior* kerana beliau biasa bermastautin di Linggi dan bukan di Riau (Khoo Kay Kim, 1990: 6-7). Kenyataan Khoo Kay Kim tentang kehadiran Raja Melewar di Linggi di sekitar awal 1750-an itu ada tersebut dalam *Hikayat Johor*. Beliau berpindah ke Linggi kerana berselisih faham dengan Yang Dipertuan Besar, Raja Sulaiman²⁸.

Setelah peperangan Raja Alam Siak tamat, Sultan Sulaiman mengutus Yang Dipertuan Kecil (Sultan Mansur Syah) Terengganu, Raja Haji dan Daeng Tumik menjemput Daeng Kemboja balik ke Riau. Semasa pelayaran itu mereka telah singgah di Melaka di mana Raja Haji ditahan. Daeng Kemboja dengan bantuan Raja Selangor berjaya membebaskan Raja Haji dan membawanya pulang ke Linggi. Akibat tindakan menyelamatkan Raja Haji ini, Yang Dipertuan Kecil Terengganu dan Daeng Tumik telah melanggar Linggi. Dalam peperangan ini Daeng Kemboja telah dikalahkan dan berundur ke Rembau. Semasa dalam pelarian di Rembau ini Daeng Kemboja membuat persetiaan dengan 'Raja Rembau, Yang Dipertuan Raja Ali' serta Penghulunya yang empunya suku' (*Hikayat Johor*, 1932: 14).

Petikan pendek daripada *Hikayat Johor* ini jelas menunjukkan bahawa pada masa Daeng Kemboja 'lari ke Linggi', di Rembau telah ada Raja Ali (Raja Adil Winstedt?) dengan siapa beliau membuat persetiaan setelah dikalahkan oleh angkatan perang Yang Dipertuan Kecil dan Daeng Tumik. Justeru itu, jika laporan *Hikayat Negeri Johor* ini benar, dapatlah dikatakan bahawa mulai dari sekitar awal tahun 1750-an *Rajah of the Interior* itu bukannya Daeng Kemboja tetapi adalah Raja Adil (Raja Ali menurut *Hikayat Negeri Johor*). Jika kesimpulan ini benar, dapat diandaikan juga bahawa pada waktu itu, Raja Melewar telah mangkat. Selanjutnya, walaupun Raja Adil yang menjadi raja (Yang Dipertuan) di Rembau, namun beliau adalah di bawah pengaruh dan kekuasaan Daeng Kemboja iaitu orang yang mungkin bertanggungjawab meletakkannya di situ, yang ting-

yang telah menjadi
Penghulu Rembau
pada tahun 1750 -
Halic

gal di Linggi. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dalam tahun 1757, melalui perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Sulaiman dengan orang Belanda. Perjanjian itu, berdasarkan catatan Winstedt (1934: 56-57), dengan jelas mengidentifikasikan Raja Adil sebagai Raja Rembau dan bukannya Daeng Kemboja.

Setelah kalah berperang dengan Yamtuan Kecil dan Daeng Tumik, Daeng Kemboja telah lari ke Rembau di sekitar bulan Julai Tahun 1756. Daeng Kemboja bersama dengan Raja Haji telah menemui dan membuat persetiaan dengan Raja Adil. Kemudian, mereka bertiga menemui Datuk Lulinsuh di balainya di Chengkau. Dalam pertemuan itu, yang dihadiri bersama oleh Lembaga Tiang Balai, mereka merundingkan tentang Belanda di Melaka. Mereka berjanji untuk berbaik-baik antara satu sama lain. Daeng Kemboja selanjutnya telah mengadakan hasratnya untuk melanggar orang Belanda di Melaka dan memohon bantuan orang Rembau untuk mencapai cita-citanya itu. Datuk Lulinsuh dan Lembaga Tiang Balai Rembau mahu tidak mahu terpaksa memenuhi permintaan itu kerana sedar akan kekuatan kuasa Bugis yang tidak mungkin diatasi oleh tentera Rembau. Justeru itu, Datuk Lulinsuh menyatakan kesediaannya untuk memberi bantuan.

Para pembesar dan orang Bugis telah berada di Rembau sehingga bulan Oktober 1756. Dalam masa lebih kurang tiga bulan²⁹ itu Daeng Kemboja telah memilih dan menyediakan orang untuk mengikutnya menyerang Melaka. Setelah siap Daeng Kemboja serta orang Bugis dengan diiringi tentera Rembau yang diketuai oleh Raja Adil, bertolak ke Melaka. Sampai di Melaka mereka telah menyerang dan membakar serta menawan kawasan subbandar Tranquera, dan kemudian mendirikan kubu di Klebang. Dua buah kubu telah dibina, satu yang paling besar adalah untuk Daeng Kemboja dan orang Bugis dan berhampirannya dibuat pula sebuah lagi kubu tetapi lebih kecil untuk Raja Adil dan orang Rembau. Dengan menggunakan kubu-kubu tersebut sebagai pusat operasi mereka telah menawan, Peringgit, Bukit China, Semabok dan Teluk Ketapang. Semasa peperangan ini meletus, Tengku Raja Said dengan orang Selangor datang memberi bantuan kepada pihak Bugis-Rembau. Mereka mendirikan sebuah lagi kubu berhampiran dengan kubu-kubu yang sedia ada.

Peperangan ini berlanjutan untuk selama lebih kurang sembilan bulan. Semasa pertempuran ini berlaku mengikut *Hikayat Negeri Johor* (1932: 14), Daeng Kemboja terpaksa balik ke Rembau kerana anaknya, Raja Linggi telah meninggal dunia. Peperangan ini berakhir dengan kekalahan pada pihak Daeng Kemboja. Mereka telah berundur ke Linggi, dan untuk beberapa waktu Linggi dikepung oleh Belanda (Cave, 1989: 58). Daeng Kemboja tiada pilihan lain melainkan pindah ke Rembau Hilir. Pada akhir bulan November Daeng Kemboja dengan ahli keluarganya, termasuk Raja Haji yang sedang berubat kesan luka-luka yang diperolehi semasa perang

telah berpindah ke tempat kediaman baru iaitu di Pedas (*Hikayat Negeri Johor*, 1932: 15). Sempena perasmian tempat kediaman baru ini, Daeng Kemboja telah mengadakan majlis berkhatan anak telaknya, Raja Endut. Kehadiran putera Bugis di Rembau Hilir dan kemudian di Pedas telah meletakkan Datuk Lulinsuh dan Lembaga-lembaga Rembau dalam keadaan serba salah. Pedas menjadi kawasan Bugis kerana ia sering di-datangi oleh pembesar Bugis dari Selangor termasuk Tengku Raja Selangor.

Sultan Sulaiman yang ingin membebaskan dirinya daripada pengaruh kuasa Bugis telah menggunakan permusuhan Bugis-Belanda ini untuk berbuat demikian. Menyedari akan kelemahannya sendiri tanpa kekuatan Bugis dan takutkan tindak balas putera Bugis terhadapnya jika melakukan penentangan terbuka, Sultan Sulaiman harus mendapat kuasa sandaran lain. Pilihan yang terbuka ketika itu adalah orang Belanda. Peluang ini terbuka dalam bulan Mei 1757, apabila wakil Gabenor Melaka sampai ke Riau menjemput Sultan Sulaiman ke Melaka merundingkan hal perang Belanda dengan Daeng Kemboja. Bagaimanapun, atas sebab-sebab tertentu, mungkin salah satu daripadanya perang Bugis-Belanda belum berakhir, pemuktamadan perjanjian persahabatan Johor-Belanda yang dipersetujui dalam pertemuan itu terpaksa ditangguhkan.

Dalam bulan Julai 1757, perang Bugis-Belanda telah berakhir dengan kekalahan pihak Bugis dan Rembau. Linggi dikepung dan Kuala Penajih disekat oleh Belanda. Pengepungan dan penyekatan ini telah memberi kesan negatif ke atas perdagangan dan ekonomi Rembau serta Linggi. Rembau dan Linggi tiada pilihan melainkan berdamai dengan pihak Belanda. Datuk Lulinsuh dengan Raja Adil bersama dengan Raja Tua, Penghulu Kelang dan seorang pembesar Kelang bergelar telah berangkat ke Melaka. Pada 29 September 1757 mereka bertemu dengan Gabenor Melaka, Jacob Morsel. Pokok perbincangan mereka adalah berkaitan dengan perhubungan antara Rembau, Linggi dan Kelang dengan pihak Belanda serta Johor. Pihak Belanda cuba memujuk para pembesar itu supaya membuat suatu perjanjian persahabatan dengan pihak Belanda. Mereka tidak dapat dan tidak mahu menerima saranan itu kerana Linggi tidak berwakil. Selepas berunding dan bersetuju bahawa suatu perjanjian harus diadakan, mereka telah menangguhkan pemuktamadannya sehingga mendapat persetujuan Daeng Kemboja, pemerintah Linggi.

Semasa berada di Melaka ini Datuk Lulinsuh bertemu dengan seorang wanita Portugis. Sebelum balik ke Rembau, beliau telah berkahwin dengan gadis tersebut. Mengikut Wilkinson (1911: 3, nota kaki 2) wanita itu adalah ibu kepada Penghulu Rembau yang ke-11 (Datuk Kosir, 1795-1812) dan adalah nenek moyang atau pengasas kepada waris Tebat.

Pada awal Disember 1757, Sultan Sulaiman berserta dengan Sultan Mansur Terengganu telah sampai ke Melaka. Pada 12 Disember suatu per-

janjian antara Johor dan Belanda telah ditandatangani. Perjanjian itu ditandatangani oleh Sultan Sulaiman dan Temenggung Abdul Majid. Ikut serta adalah Sultan Mansur, Sultan Terengganu. Melalui perjanjian itu, Rembau dan Linggi diserahkan kepada Syarikat Hindia Timur Belanda. Sultan Sulaiman sanggup menyerahkan kedua-dua tempat ini kepada Belanda kerana beliau menyedari bahawa pengaruhnya ke atas tempat-tempat tersebut mulai pudar. Linggi sememangnya telah 'hilang' ke tangan Bugis. Rembau pula, untuk lebih kurang 20 tahun telah terlepas ke tangan putera Minangkabau dan semenjak perang Bugis-Belanda (1756-57) beransur-ansur tenggelam dalam pengaruh Bugis, terutama sekali sejak Daeng Kemboja dan keluarganya berpindah, mula-mula ke Rembau Hilir dan kemudian ke Pedas di Rembau Darat.

Perjanjian ini, dari aspek persejarahan dan pensejarahan Rembau adalah penting kerana ia dapat memberi penjelasan, walaupun tidak secara langsung tentang beberapa aspek kabur dalam perkembangan politik Rembau. Menurut Winstedt (1934: 56-57):

... suatu perjanjian telah ditandatangani menawarkan untuk menyerahkan Rembau dan negeri sembilanannya berserta dengan Linggi kepada Syarikat, bergantung kepada dua syarat, pertamanya Belanda tidak akan campur tangan dalam hal ehwal agama Islam atau mengubah doa untuk Sultan Johor, dan keduanya kuasa dan tempat tidak boleh diberikan kepada Daeng Kemboja, Raja Alam, Raja Said, Raja Haji, Raja Tua Kelang atau Raja Adil Rembau, yang telah memusnahkan Melaka. ...²⁷

Secara tidak langsung perjanjian ini telah menjelaskan dua perkara penting tentang Rembau khususnya dan Negeri Sembilan amnya.

1. Nama Raja Melewar tidak disebut dalam perjanjian ini. Sebaliknya tercatat nama Raja Adil dan diakui sebagai Raja Rembau. Kesimpulan yang boleh kita andaikan adalah pada akhir tahun 1757 Raja Melewar telah meninggal dunia.
2. Dalam perjanjian ini terdapat rujukan kepada 'Rembau dan negeri sembilanannya' (Rembau and its nine countries). Rujukan seperti ini telah pun dibuat dalam perjanjian-perjanjian yang sebelumnya iaitu semenjak tahun 1646 lagi; tetapi yang terlibat dalam menandatangani perjanjian-perjanjian tersebut hanya Rembau dan Belanda sahaja. Perjanjian ini (1757) agak berlainan. Rembau tidak terlibat dalam membuatnya. Pihak lain, iaitu Sultan Johor (Sultan Sulaiman) dan Sultan Terengganu (Sultan Mansur) yang membuat dan menandatangani berserta dengan Belanda. Ini bermakna rujukan kepada 'Rembau dan negeri sembilanannya' bukan pengakuan dan sifat membesarkan diri sendiri yang dibuat oleh Kerajaan Rembau sendiri, tetapi diakui dan dimeteraikan secara rasmi oleh kuasa Melayu lain (Johor dan Terengganu).

1757

Berdasarkan huraian di atas beberapa kesimpulan mungkin dapat diutarakan. Istilah 'negeri sembilan' telah terkenal dan diakui wujud serta dikaitkan dengan Kerajaan Rembau sejak kira-kira pertengahan kurun ke-17 lagi. Pengakuan ini bukan sahaja dibuat oleh Kerajaan Rembau sendiri tetapi juga oleh kuasa barat, Belanda dan juga kuasa Melayu lain—Johor dan Terengganu. Ini juga bermaksud bahawa dalam abad-abad tersebut Rembau adalah pusat sosio-politik-budaya negeri-negeri rantau Minangkabau di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Selain daripada itu, perjanjian ini juga menunjukkan bahawa Raja Adil adalah 'Raja Rembau' yang kedua.

Siapakah dia Raja Adil ini? Sebagai dinyatakan terdahulu, Raja Adil tidak ragu lagi adalah wakil Kerajaan Johor di Rembau. Apabila Raja Sulaiman menaiki takhta kerajaan dengan bantuan para putera Bugis di sekitar tahun 1722, beliau telah cuba mendapatkan kembali jajahan takluknya yang lama, termasuk Rembau dan negeri sembilannya. Dalam usaha ini, beliau telah menghantar seorang wakil ke Rembau. Orang yang dipilih, mungkin atas nasihat Daeng Kemboja, Yamtuan Muda Johor, adalah Raja Adil yang juga seorang keturunan Bugis (Winstedt, 1943: 57). 1962: 156). Menurut Wilkinson (1911: 23) untuk pengesahan dan membuktikan kekuasaannya, Raja Adil ini telah diberi satu cap mohor, tetapi cap tersebut hilang semasa Wilkinson merakamkan (1911) kenyataan tersebut.

Semasa berada di Rembau, Raja Adil telah berkahwin dengan seorang wanita bernama Cik Menek³², ahli suku Tiga Batu dari Tampin. Raja Adil telah ditempatkan di Pedas, Rembau Darat. Pemilihan untuk menempatkannya di Rembau Darat disengajakan oleh penghulu dan majlis lembaganya. Lembaga Tiang Balai di Rembau Baruh, iaitu suatu badan lembaga yang berkuasa, tidak mahu beliau berteempat di Rembau Baruh kerana di sana telah ada seorang 'orang besar adat', Penghulu Rembau. Di Rembau Darat belum ada lagi 'orang besar' atau 'pemerintah'. Apa yang perlu diambil perhatian di sini ialah, sebelum 1831 keempat-empat orang Datuk Lembaga Rembau Darat (Datuk Seri Maharaja, Datuk Sindia Maharaja, Datuk Andika dan Datuk Mandalika) tidak lagi menganggotai Majlis Lembaga Tiang Balai Rembau. Sebelum tarikh tersebut Lembaga di Rembau Darat tidak begitu bersetuju dengan lembaga di Rembau Baruh. Oleh sebab di sekitar tahun 1750-an sudah ada dua orang besar (Pengkulu Rembau dan Raja Adil) di Rembau, mereka menempatkan Raja Adil di Pedas (Norhalim Hj. Ibrahim, 1978: 22).

Di samping itu, para pembesar Rembau, sedapat yang mungkin dan tanpa menyakiti hati orang yang berkenaan ingin mengasingkan Raja Adil, seorang putera Bugis yang dianggap sebagai 'penjajah', daripada masyarakat keturunan Minangkabau. Kedudukan Pedas yang berhampiran dengan Linggi juga menjadi faktor penentu dalam pemilihan tempat itu.

Raja Adil, sebagai orang semenda seharusnya tinggal di Tampin. Tetapi seandainya beliau tinggal di sana, para putera Bugis akan bertumpu ke Tampin. Keadaan ini akan membuatkan pusat pentadbiran Rembau tersepit antara Tampin dan Linggi yang adalah markas besar Daeng Kemboja dan orang Bugis. Apa yang dijangkakan oleh pemimpin dan para pembesar Rembau ini menjadi kenyataan di sekitar akhir tahun 1756 dan di sepanjang tahun 1757 dan 1758 serta berlanjutan ke penghujung tahun 1759.

Dalam tahun 1756 Daeng Kemboja telah sampai di Pedas di rumah Raja Adil, selepas diletakkan oleh pihak Belanda dari Linggi. Keputusan Daeng Kemboja untuk datang ke Pedas dipengaruhi oleh fakta bahawa Raja Adil adalah orang Bugis, mungkin pilihannya sendiri, yang menjadi wakil Kerajaan Johor. Justeru itu kita mungkin membuat kesimpulan bahawa salah satu peranan Raja Adil ialah menjadi tali penghubung antara Daeng Kemboja dan orang Rembau. Mengikut *Tuhfat Al-Nafis* (1932: 94) tujuan Daeng Kemboja datang ke Rembau adalah untuk mendapat bantuan daripada Penghulu dan Lembaga Tiang Balai Rembau. Daeng Kemboja boleh mencari perlindungan di Kelang atau Selangor. Pemerintah Selangor adalah orang Bugis dan mempunyai talian persaudaraan dengannya. Tetapi jarak Kelang dan Selangor terlalu jauh dari salah satu pusat utama Bugis, Linggi dan kawasan Kuala Penajih. Malahan Sungai Ujong yang penghulunya mendapat gelaran Bugis, 'Datuk Kelang', juga jauh dari Linggi bagi tentera Bugis yang kadangkala tertekan oleh ancaman pihak Belanda di Linggi. Dengan demikian, Rembau yang sungai utamanya Penajih yang bergabung dengan Sungai Linggi beberapa batu ke hulu Selat Melaka, merupakan tempat sesuai untuk berundur. Untuk tujuan ini Daeng Kemboja, dan kemudian Raja Ali Haji memerlukan seorang tertentu di Rembau bertindak sebagai mata dan telinga yang pada masa-masa tertentu boleh mendapat bantuan orang tempatan untuk menyokong orang Bugis (Norhalim Hj. Ibrahim, 1978: 22).

Perbuatan Sultan Sulaiman dan Sultan Mansur memperlakukan Rembau dan juga Linggi seperti buah ~~bukan lagi~~ mendapatkan sokongan Belanda melalui perjanjian bulan Disember 1757 telah diketahui oleh Datuk Lulinsuh dan Daeng Kemboja di Pedas. Beberapa hari selepas Sultan Sulaiman menandatangani perjanjian itu, pihak Rembau dan Linggi telah menghantar perwakilan ke Melaka untuk merundingkan fasal-fasal perjanjian Johor-Belanda itu, dan cuba mendapatkan perjanjian antara Rembau dan Linggi di satu pihak dan Belanda di pihak lain. Pihak Belanda dituduh mengkhianati persetujuan yang tercapai dalam perundingan dalam bulan September. Pihak Belanda tidak berani berkeras dalam perkara ini, walaupun telah berjanji dengan Johor tentang kedudukan para pembesar Rembau, Linggi dan juga Kelang. Pihak Belanda tidak mahu menimbulkan dan memanjangkan permusuhan dengan Bugis terutamanya demi

Kelang

bidak bagi

kepentingan perdagangan. Pengelompokan dan pemusatan putera Bugis di Pedas dan di Linggi telah membimbangkan orang Belanda di Melaka. Akhirnya, kesemua pihak bersetuju membuat perjanjian lain, khusus untuk Linggi, Rembau dan Kelang.

Pada 1 Januari 1758, orang Belanda dan Rembau serta Bugis telah menandatangani suatu perjanjian di Fort Filipina di Kuala Penajih (Kuala Linggi sekarang). Walaupun perjanjian ini melibatkan kerajaan Rembau, namun yang menandatangani adalah beberapa putera Bugis. Mereka adalah Raja Adil mewakili Rembau, Daeng Kemboja bagi pihak Linggi dan Raja Tua untuk Kelang. Melalui perjanjian ini, Rembau, Linggi dan Kelang bersetuju memberi Belanda monopoli ke atas hasil keluaran kawasan-kawasan tersebut. Harga bijih timah juga telah ditetapkan iaitu Syarikat harus membelinya dengan harga 32 ringgit Sepanyol setiap satu bahara. Sebagai tambahan, Syarikat akan memberi dua ringgit Sepanyol kepada pembesar dari mana hasil itu dikeluarkan sebagai hadiah. Sebagai balasan, Rembau, Linggi dan Kelang memberi jaminan bahawa semua sahabat Syarikat Hindia Timur Belanda akan mereka anggap sebagai 'sahabat', terutamanya Sultan Johor (Winstedt, 1934: 57; 1962: 147; Raja Ali Haji, 1966: 118-19; Khoo Kay Kim, 1990: 7).

Keadaan dan perhubungan antara Rembau dan Bugis di satu pihak dan Belanda di pihak lain selepas perjanjian itu adalah terfang. Di sepanjang tahun 1758 itu, Pedas menjadi tumpuan para pembesar Bugis. Daeng Kemboja telah membawa adik-adik perempuannya, Raja Aminah dan Raja Halimah ke Pedas. Para pembesar Bugis di Selangor sentiasa berulang alik ke Pedas dan begitu juga sebaliknya (*Hikayat Negeri Johor*, 1932: 15-18). Keadaan ini berlanjutan sehingga akhir tahun 1759. Datuk Lulinsuh, para datuk lembaga lembaga dan rakyat Rembau terpaksa mentoleransi kehadiran orang Bugis di Rembau.

Mengikut perlembagaan Kerajaan Rembau segala perkara yang menyangkutkan Rembau di dalam perjanjian yang dibuat di Fort Filipina itu adalah tidak sah. Perlembagaan Rembau menyatakan bahawa sebarang perjanjian dengan kuasa luar harus ditandatangani oleh penghulu dan Lembaga Rembau, khususnya Lembaga Tiang Balai. Suatu perjanjian yang hanya ditandatangani oleh penghulu sahaja tidak akan mengikat Kerajaan Rembau. Raja Adil wakil Kerajaan Johor dan penyokong kuat Daeng Kemboja serta Raja Rembau tidak berhak menandatangani perjanjian itu. Penghulu Rembau sendiri tanpa persetujuan Lembaga Rembau tidak berhak dan berkuasa merundingkan sebarang perjanjian untuk Rembau. Dengan demikian, melalui perjanjian Januari 1758 Rembau tidak terikat dengan syarat dan obligasi yang termaktub di dalamnya.

Menyedari hakikat ini, pihak Belanda dan Rembau telah cuba memperbaiki kesilapan tersebut. Pada awal November 1759, Datuk Lulinsuh dan beberapa orang Lembaga Rembau telah pergi ke Melaka menemui

Gabenor David Bulen. Oleh sebab perjanjian 1758 itu melibatkan juga Linggi dan Kelang, Daeng Kemboja dan Raja Tua Kelang juga telah turut hadir. Maka pada 11 November 1759 satu lagi perjanjian ditandatangani di antara:

... David Bulen, Gebenor Melaka, dan Raja Muda Daeng Kemboja Linggi, Raja Tua Kelang dan pembesar-pembesar dari sembilan buah negeri Rembau iaitu Maharaja Pakli, Penghulu Dagang, Setia Purba, Paduka Alam dari Suku Yang Empat dan Penghulu Pendita Kaya dan Syahbandar Pendita Garang²¹.

(Winstedt, 1934: 57)

Pada akhir tahun tersebut juga Raja Haji telah meninggalkan Pedas dan belayar ke Riau dengan maksud tertentu. Beliau ingin menemui Sultan Sulaiman untuk menyelesaikan masalah perhubungan Melayu (Johor) dan Bugis. Semasa beliau masuk ke Riau 'maka segala raja-raja Melayu dan segala panglima Melayu sekalian hendak membedilnya' (*Hikayat Negeri Johor*, 1932: 16), tetapi tidak dihiraukannya. Beliau telah menghadap Sultan Sulaiman menuntut serta menentukan hak para putera Bugis turun-temurun menjadi Yamtuan Muda Riau. Sultan Sulaiman telah menurut dan memenuhi kehendak orang Bugis itu.

Raja Haji telah balik ke Pedas pada awal tahun 1760 untuk melaporkan hasil rundingannya kepada Daeng Kemboja dan menyampaikan berita bahawa satu utusan akan tiba menjemput Daeng Kemboja berserta para putera Bugis yang bersamanya balik ke Riau. Utusan rasmi tersebut, yang diketuai oleh anak Sultan Sulaiman sendiri, Raja Abdul Jalil bergelar Tengku Raja Di Baruh telah sampai di Pedas dalam bulan Ogos. Rombongan itu diiringi oleh Raja Haji dan Raja Lumu dari Selangor.

Sesampai di Rembau, anak-anak raja itu menghadap Daeng Kemboja di Pedas. Semasa di Rembau Tengku Raja Di Baruh membuat kunjungan hormat kepada Datuk Lulinsuh di balai penghulu. Dalam perjumpaan itu, Tengku Raja Di Baruh telah jatuh hati dengan anak gadis Datuk Lulinsuh. Dengan perantaraan Daeng Kemboja dan Raja Adil, Tengku Raja Di Baruh meminang puteri itu (Wilkinson, 1911: 3) tetapi pinangan itu ditolak dengan baik oleh Datuk Lulinsuh. Penghulu Rembau tidak mahu membuat atau mewujudkan sebarang ikatan dengan Johor, malahan sebaliknya, ingin melepaskan Rembau daripada 'naungan' Johor jikaau boleh.

Tengku Raja Di Baruh kemudian telah pergi ke Selangor. Semasa berada di sana beliau jatuh sakit dan Sultan Sulaiman pula telah mangkat di Riau. Dalam bulan Februari 1761, Tengku Raja Di Baruh yang dilantik menjadi sultan menggantikan ayahnya dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Muadzam Syah pula meninggal dunia di Selangor. Jenazah baginda telah dibawa ke tempat kediaman Daeng Kemboja di Pedas. Daeng Kemboja berserta ahli keluarganya dan pengikutnya berpindah semula ke Riau.

sambil mengiringi jenazah Sultan Abdul Jalil (*Hikayat Negeri Johor*, 1932: 17-18) untuk pengebumian.

Kemangkatan Sultan Abdul Jalil ini telah memberi kesan kepada suasana politik di sekitar Selat Melaka. Rembau tidak lagi merasa tertekan sangat oleh kuasa dan pengaruh Bugis. Namun, Rembau masih belum 'bebas' sepenuhnya daripada bayangan Bugis kerana, walaupun Daeng Kemboja telah balik ke Riau, wakil dan penyokongnya, Raja Adil masih berada di Rembau. Suatu yang jelas berubah ialah Pedas tidak lagi menjadi tempat persinggahan dan pusat pertemuan para putera Bugis. Dengan kata-kata lain, di Pedas tiada lagi penduduk Bugis melainkan keluarga Raja Adil dan beberapa orang pengikutnya. Kepada orang Bugis pula kemangkatan Sultan Abdul Jalil telah memberi ruang untuk mereka bertapak semula dalam Kerajaan Johor³¹.

Kedudukan Raja Adil selepas Daeng Kemboja balik ke Riau, tidak lagi sekukuh dan berpengaruh seperti keadaan sebelum itu. Beliau masih dianggap sebagai Raja Rembau dan wakil Kerajaan Johor yang pada masa itu berada dalam tangan Yamtuan Muda Daeng Kemboja dan para putera Bugis yang lain. Tradisi lisan Rembau menyatakan bahawa sejak tahun tersebut (1761) Raja Adil lebih banyak menghabiskan masanya di Jelebu³² yang pada ketika itu diperintah oleh Penghulu Bukor.

Dalam bahagian akhir abad ke-18 ini perhubungan Rembau dan Melaka tidak banyak menampakkan perubahan. Sikap permusuhan dengan bangsa penjajah tetap ada tetapi tidak dilahirkan secara langsung dan terbuka. Tindakan anti-penjajahan barat ini sering dilakukan bersama orang Naning. Sikap ini telah dilaporkan oleh Gabenor Schippers dalam tahun 1773 kepada bakal penggantinya. Menurut Schippers 'ketidaksetiaan' dan kekacauan yang dilakukan oleh orang Naning itu kadangkala berserta dengan orang Rembau (Cave, 1989: 59). Dari Segi perdagangan pula Rembau terus meniadakan bijih timah yang dijumpai di sepanjang Sungai Penajis di Kedah; tidak dengan Melaka (Cave, 1989: 57).

Perhubungan dengan Johor juga agak renggang di bahagian akhir abad ke-18 ini. Johor sedang menghadapi krisis dalam perhubungan antara orang Bugis dengan Melayu yang berpunca daripada perlantikan Sultan Mahmud Syah (1761-1812) sebagai sultan. Kekuasaan Daeng Kemboja dan orang Bugis bagaimanapun semakin hari semakin kuat, dan menjelang tahun 1765 orang Melayu hilang pengaruh ke atas pentadbiran Johor (Andaya, 1974: 42). Selain berkonflik dengan orang Melayu, Daeng Kemboja juga telah berselisih faham dan kemudian menjadi konflik terbuka, dengan Raja Lumu³³ tentang kedudukan Selangor di bawah naungan Daeng Kemboja (Andaya, 1974: 43).

Lebih kurang 14 tahun selepas pemergian Daeng Kemboja dari Pedas dan mungkin di masa konflik antara Daeng Kemboja dan Raja Lumu mulai meningkat, di sekitar tahun 1775, suatu rombongan orang Bugis telah sam-

pai ke Rembau. Mereka ini adalah orang Riau yang telah berpindah dan membuka perkampungan sementara di Teluk Ketapang (Gullick, 1949: 58) pada sekitar tahun 1750-an yakni semasa Daeng Kemboja meninggalkan Riau setelah berselisih faham dengan Sultan Sulaiman.

Rombongan orang Bugis yang diketuai oleh dua orang adik-beradik, seorang lelaki, Awaluddin dan seorang perempuan, Srijah³⁶ ini, apabila sampai di Rembau telah mendapatkan Raja Adil di Pedas. Kepada Raja Adil dinyatakan tujuan mereka ke Rembau iaitu untuk membuat petempatan. Dalam perbincangan itu atas cadangan Raja Adil, mereka telah menegenalpasti kawasan yang sesuai iaitu di Kampung Bandar³⁷ di kawasan Penajis. Raja Adil membawa mereka menemui Datuk Lulinsuh di balainya untuk memohon izin membuka kampung halaman di Rembau. Permintaan mereka ini dipersetujui oleh Datuk Lulinsuh dan lembaganya.

Dalam tahun 1776 atau awal 1777 Daeng Kemboja atau disebut Marhum Janggut telah datang ke Kuala Linggi. Tujuannya ialah untuk menjemput orang Bugis di Rembau itu kerana hendak dibawa balik ke Riau. Awaluddin bersama Datuk Lulinsuh³⁸ telah pergi ke Kuala Linggi mendapatkan Daeng Kemboja. Jemputan Daeng Kemboja itu 'tiadalah dikabulkan oleh Datuk Awaluddin' (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976: 30) dan Penghulu Rembau pula telah berjanji membenarkan orang Bugis tersebut 'memakai aturan dan adat sendiri' (Hamid Abdullah, 1984: 57). Daeng Kemboja berpuas hati dengan keputusan tersebut dan merelakan Awaluddin dan pengikutnya menetap di Rembau. Mereka hidup dengan aman di Rembau tetapi mereka tidak terkenal disebabkan mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan norma kehidupan masyarakat di Rembau amnya, dan di Penajis khususnya, yang berpegang teguh kepada Adat Perpatih (Abdul Aziz bin Salleh, 1973: 55). Adat yang diamalkan oleh Awaluddin dan pengikutnya adalah adat *Muafakat bil Kitab Wassunnati gabulan minal ustaz ilamanati*³⁹ (Hamid Abdullah, 1984: 63).

Walaupun mereka hidup dengan aman, namun mereka menghadapi tekanan jiwa. Orang Bugis adalah suku bangsa yang sentiasa mendapat lebih kuasa. Mereka tidak suka bernaung atau dinaungi oleh mana-mana pihak, dalam kes ini Rembau dan Penghulu Rembau. Mereka lebih aman mentadbir sendiri kawasan yang mereka duduki walaupun ia berupa sebuah komuniti kecil. Satu lagi sebab yang mungkin menyebabkan mereka tertekan perasaan ialah nilai budaya 'siri'⁴⁰ yang ada dalam diri setiap orang Bugis-Makasar. Orang luar yang tidak memahami kebudayaan 'siri' ini akan memberi penilaian yang bersifat negatif seperti kejam, suka berkuasa, mudah tersinggung, bercita-cita tinggi dan sebagainya (Sarina bt. Baharudin, 1989: 25). Selain faktor di atas, alasan yang paling popular tentang sebab orang Bugis yang tinggal di Rembau berasa tertekan ialah Adat Perpatih. Petempatan mereka di Rembau dikelilingi oleh masyarakat yang mengamalkan sistem nasab ibu sedangkan mereka pula mengamal-

ituli

kan sistem dwisisi. Antara kedua-duanya sangat berbeza dan mempunyai bahagian yang berkonflik.

Menyedari tentang keadaan 'tekanan' yang ada dalam diri penduduk Bugis itu sendiri Awaluddin telah berusaha untuk mendapatkan satu petempatan baru bagi membolehkan mereka menyambung norma hidup sebagai orang Bugis. Mereka adalah terdiri daripada generasi kedua orang Bugis di Riau. Dengan itu sifat dan sikap keBugisan mereka masih kuat dan teguh. Datuk Lulinsuh yang menyedari akan keresahan dan kegelisahan orang Rembau dengan kehadiran sekelompok masyarakat yang berlainan malahan boleh dikatakan bertentangan serta keserbasalahan Awaluddin dan orang Bugis pengikutnya, telah menggalakkan dan menyokong usaha mencari petempatan baru itu. Usaha ini mencapai kejayaan, maka dalam tahun 1783, satu petempatan baru, iaitu di kawasan Linggi sekarang diteroka.

Dalam tahun 1790 Datuk Lela Maharaja Lulinsuh telah meninggal dunia. Pusaka Penghulu Rembau diambil alih oleh suku Biduanda Jawa dan orang yang terpilih dan dikerjankan menjadi penghulu baru ialah Pekak dengan gelaran Datuk Sedia Raja. Sebehum menjadi penghulu beliau adalah murid kepada Awaluddin. Pelajaran agama ini diteruskan walaupun Pekak telah menjadi penghulu. Datuk Pekak tidak dapat mengizinkan Awaluddin berpindah dari Rembau kerana beliau serta anak buahnya ingin terus belajar agama dengan Awaluddin. Justeru itu, Awaluddin yang merintis pembukaan Linggi, tidak dapat melihat kejayaannya (Mohamad Ali b. Dahlan, 1976: 39-40). Walaupun Awaluddin yang menemu mui kawasan Linggi itu, namun yang meneroka atau 'membuka belahnya' ialah beberapa orang lain, termasuk anak-anaknya sendiri dalam tahun 1800⁴¹ (Abdul Aziz b. Salleh, 1973: 53; Mohamad Ali b. Dahlan, 1976: 44).

Setelah didiami, wilayah Linggi ini telah diiktiraf dan diakui bukan sahaja oleh Penghulu Rembau tetapi juga oleh Penghulu Sungai Ujong. Ini ternyata apabila kedua-dua orang penghulu itu mengkadimkan wilayah Linggi ini sebagai 'anak' kepada kedua-dua kerajaan tersebut. Antara kedua-dua buah kerajaan ini Rembau lebih bertanggungjawab dalam kelahiran wilayah Linggi itu. Sebelum membuka Linggi, orang Bugis itu telah 'dikandung' terlebih dahulu oleh Rembau di Kampung Bandar, Penajis. Dengan demikian, secara metafora Rembau boleh dianggap sebagai 'ibu' kepada Linggi. Sungai Ujong pula yang kawasannya juga terlibat dalam pembukaan wilayah Linggi itu hanya mengenali dan kemudian mengiktiraf serta mengakui adanya Linggi selepas ia 'dilahirkan'. Secara simbolik, Sungai Ujong dapat dikatakan sebagai 'bapa'. Berdasarkan perumpamaan inilah telah timbul, mungkin di sekitar tahun 1800 perbiangan yang herbunyi:

beremak ke Rembau,
berbapak ke Sungai Ujong⁴².

Dalam tahun 1782 perang meletus antara Bugis di Riau dengan pihak Belanda di Melaka. Pembesar Bugis yang terlibat secara langsung dalam peperangan ini adalah Raja Haji yang ketika itu menjadi Yamtuan Muda Riau. Peperangan Raja Haji menentang pihak Belanda ini berterusan hingga tahun 1783. Pada akhir tahun tersebut, Sultan Ibrahim dari Selangor bersama adiknya Raja Nala (Raja Muda) telah belayar ke Melaka untuk memberi bantuan kepada bapa saudaranya, Raja Haji. Dalam pelayaran ke Melaka itu, Sultan Ibrahim telah singgah di Rembau menemui Datuk Lulinsuh dan lembaganya. Pertemuan tersebut diadakan di Pedas. Mereka berunding tentang memberi bantuan kepada Raja Haji. Rembau yang sejak dahulu lagi sememang tidak senang dengan kehadiran pihak Belanda di Melaka bersetuju membantu Sultan Ibrahim (*Hikayat Negeri Johor*, 1932: 24; Buyung Adil, 1971: 135).

Setelah mendapat persetujuan Datuk Lulinsuh dan Lembaga Tiang Balai Yang Empat, bersama dengan orang Rembau, Sultan Ibrahim telah bertolak dari Pedas ke Melaka. Dalam perjalanan itu mereka singgah di Sungai Baru untuk mendapatkan bantuan orang Bugis di sana. Pada 14 Januari 1784, mereka telah sampai ke wilayah Melaka dan menyerang tempat-tempat di sepanjang pantai Melaka hingga ke Batang Tiga. Setelah berjaya menawan Batang Tiga tentera Sultan Ibrahim membina sebuah kubu besar di situ. Orang Rembau bersama dengan orang Selangor telah menyerang dan membakar rumah-rumah di Tanjung Kling dan tempat-tempat di sekitarnya. Pada keesokan harinya tentera Belanda membuat serangan balas ke atas kubu Sultan Ibrahim tetapi diundur oleh tentera Rembau dan Selangor.

Dalam awal Februari, Sultan Ibrahim bersama sebahagian orang Selangor telah belayar ke Riau menemui Raja Haji meminta beliau bersama berperang di Melaka. Semasa penergiannya ke Riau, kubu Batang Tiga diserahkan kepada orang Rembau dengan dibantu oleh orang Selangor mempertahankannya dari serangan pihak Belanda. Pada 13 Februari Raja Haji telah sampai ke Teluk Ketapang dan membuat kubu perang di Tanjung Palas. Pada 15 Februari orang Riau dan Selangor dari Teluk Ketapang dan orang-orang Rembau dari kubu Batang Tiga telah mengadakan serangan serentak ke kawasan sekitar bandar Melaka. Orang dari kubu Batang Tiga telah melanggar kawasan Melaka 'yang di sebelah barat' dan orang dari kubu Teluk Ketapang 'melanggar yang di sebelah timur Melaka' (*Hikayat Negeri Johor*, 1932: 25). Antara kawasan yang diserang adalah Punggur, Duyung, Pernu, Semabuk, Ujung Pasir, Bunga Raya, Bandar Hilir, Bukit Cina, Tanjung Keling dan Tranquera (Buyung Adil, 1971: 137).

Dalam bulan Mei, pihak Belanda telah mendapat bantuan Raja Muhammad Ali dari Siak dan dari Tun Dalam Sultan Terengganu. Pada 1 Jun sebuah kapal perang besar Belanda, *Utrecht* berserta beberapa

buah kapal kecil membawa 2,130 orang askar di bawah pimpinan Jacob Pieter van Braam telah sampai ke Melaka dari Betawi, dan berlabuh di Teluk Ketapang. Angkatan ini disusuli pula oleh sebuah lagi kapal perang, *Princess Louisa* di bawah pimpinan Frederick Rudolph Carel, yang telah berlabuh di Teluk Ketapang pada 16 Jun. Kedua-dua angkatan perang dari Betawi ini telah bergabung dengan tentera Melayu dari Siak dan Terengganu menentang Raja Haji. Pada pagi 18 Jun 1784, dalam suatu pertempuran Raja Haji dan beberapa orang panglimanya terbunuh. Setelah Raja Haji mati, orang Bugis pun berundur, balik ke Riau.

Menurut *Hikayat Negeri Johor* (1932: 26) semasa Raja Haji meninggal itu Sultan Ibrahim baru sahaja sampai ke kubu di Batang Tiga dari Rembau. Sultan Ibrahim balik ke Rembau di sekitar bulan Mac. Semasa berada di sana, beliau telah berkahwin dengan cucu Yang Dipertuan Raja Alam. Selepas bersama dengan isterinya untuk lebih kurang dua bulan, pada pertengahan bulan Jun 1784, beliau balik ke Melaka untuk terus membantu Raja Ali. Dalam perjalanan itu, beliau telah singgah dahulu di Sungai Baru. Dari Sungai Baru beliau ke kubu Batang Tiga. Setelah mendapat tahu bahawa Raja Haji telah gugur dan orang Bugis di kubu Teluk Ketapang balik berundur ke Riau, Sultan Ibrahim serta orang Bugis dari Selangor pun balik ke Selangor. Orang Rembau pula balik ke Rembau (Buyung Adil, 1971: 139).

Gugurnya Yamtuan Muda Raja Haji di Teluk Ketapang merupakan suatu tamparan hebat kepada orang Bugis di Riau. Ia adalah titik menandakan hilangnya kuasa dan pengaruh putera Bugis dalam Kerajaan Johor. Raja Ali, anak kepada Daeng Kemboja, telah dilantik menjadi Yamtuan Muda Riau di sekitar bulan Jun/Julai 1784 menggantikan Raja Haji. Tindakan awal Raja Ali sebagai Yamtuan Muda sebagai percubaan mendapatkan perdamaian dengan pihak Belanda; tetapi gagal. Pada akhir bulan Oktober, pihak Belanda di bawah pimpinan Laksamana Jacob Pieter van Braam telah menyerang Riau dan memaksa Raja Ali dan ramai orang Bugis keluar meninggalkan Riau. Beliau dan pengikutnya telah pergi ke Sukadana (di Kalimantan) dan membuka negeri di situ. Pada 1 November Sultan Mahmud Riau telah menyerah kalah kepada pihak Belanda (Buyung Adil, 1971: 140-1).

Kejatuhan putera Bugis dalam Kerajaan Johor ini juga memberikan kesan ke atas Kerajaan Rembau. Rembau tidak lagi merasa tertekan oleh kuasa Bugis. Raja Adil yang telah berumur, tetap dianggap sebagai Raja Rembau, tetapi tidak mempunyai peranan dan fungsi yang aktif dalam pentadbiran kerajaan. Beliau hanya suatu simbol kekuasaan Kerajaan Rembau. Kehilangan pengaruh orang Bugis di Rembau ini terbukti di sekitar awal pertama tahun 1785. Dalam masa tersebut suatu utusan Raja Ali, bekas Yamtuan Muda Riau telah datang menemui Datuk Lulinsuh dan lembaganya. Menurut utusan itu, Raja Ali meminta penghulu Rembau

memberi kebenaran kepada orang-orangnya yang hendak pergi menyerang pihak Belanda di Melaka melalui Rembau. Permintaan Raja Ali ini ditolak oleh Datuk Bekak dan Lembaga Rembau (Buyung Adil, 1971: 143). Keberanian Kerajaan Rembau menolak dan tidak pula menerima sebarang tindak balas atas penolakan permintaan itu daripada Raja Ali dan orang Bugis menandakan bahawa segala bentuk tekanan dan pengaruh Bugis ke atas Kerajaan Rembau telah hilang sarna sekali.

Nota kaki

1. Beliau terkenal juga dengan gelaran Kelana Jaya Putera. Bapa Daeng Merewah adalah sepupu kepada Raja Bone, dan memerintah negeri Parumana dan Lamuru yang terletak di barat daya Sulawesi. Semasa dalam perjalanannya hendak ke Mecha, sebuah pelabuhan yang terletak di Semenanjung Arab di jalan masuk ke Laut Merah, beliau telah singgah di Selangor. Selepas memberi bantuan ketenteraan kepada putera Kedah yang sedang berperang dengan saudaranya, beliau telah membuat keputusan untuk tinggal menetap di Linggi.

2. Mengikut Mills (1927) semasa mengulas tulisan d'Eredia (1619) petempatan yang dicatatkan sebagai *Linge* dalam petanya itu adalah Linggi. *Linge* dalam peta d'Eredia itu terletak ke barat daya *Sune Vjon* (Senjung = Semujung = Sungai Ujong) dan di utara *Lucoth*. Melihat daripada kedudukannya dalam peta itu, *Linge* d'Eredia itu tidak mungkin Linggi yang berhampiran dengan sempadan Rembau sekarang. Linggi yang diduduki oleh Daeng Merewah ini adalah Linggi atau kawasan persekitaran Kuala Sungai Linggi sekarang kerana mengikut laporan Belanda seperti yang dikutip Andaya (1987: 309):

... pemberontak-pemberontak Bugis ini ... telah meninggalkan Selangor ke Linggi dan menetap di suatu kawasan di bahagian utara Melaka hingga ke Sungai Penagis.

3. Daeng Menompok adalah seorang putera Bugis, anak kepada pemangku raja Lompoko. Lompoko adalah suatu daerah dalam Sopping.

4. Dalam tahun ini selain Rembau, di Indragiri juga telah meletus pemberontakan. Di antara tahun 1702 hingga 1708 Kerajaan Johor di bawah pentadbiran Bendahara Tun Mas Anum sering diduga dengan adanya pemberontakan daripada Orang Laut, Selangor dan Kelang (1702), Siak (1705), dan Batu Bahars serta Deli (1707).

5. Apabila Bendahara Tun Mas Anum meninggal dunia pada 29 Mac 1708, Raja Indra Bongsu Tun Mahmud telah menggantikan Bendahara sebagai pembesar yang paling berkuasa dalam Kerajaan Johor. Beliau kemudian dilantik menjadi Raja Muda.

6. Raja Kecil mengakui dirinya sebagai putera Sultan Mahmud Mangkat Dijulang dengan isterinya Encik Pong. Beliau telah dibesarkan di Minangkabau oleh keluarga diraja Yamtuan Sati dan diasuh oleh Puteri Jamilan, ibu Yamtuan Sati. Untuk keterangan lanjut tentang pengembaraan Raja Kecil lihat Andaya, 1987: 344-9; Muhammad Yusoff Hashim, 1992: 123-7.

7. Pemerian tentang serangan Raja Kecil dan cara baginda menguasai takhta Kerajaan Johor dapat diikuti daripada Raja Ali Haji, 1965: 42-43 dan Andaya, 1987: 333-41.

8. Mengikut *Tuhfatun-Najis*, Raja Kecil telah meminta orang Bugis untuk menyerang Johor. Jika Raja Kecil berjaya menakluki Johor, Daeng Perani akan dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda Johor (Raja Ali Haji, 1965: 40; Muhammad Yusoff Hashim, 1992: 124). Bagaimanapun, akhirnya, tanpa bantuan Bugis, Raja Kecil berjaya menguasai Kerajaan Johor.

9. Selain daripada Daeng Merewah, putera Bugis yang lain, iaitu adik-beradiknyanya adalah

Daeng Perani, Daeng Celak, Daeng Menambun dan Daeng Kumasi (Raja Ali Haji, 1965: 45; Mohd. Yusof Md. Nor, 1984: 43).

10. Sebagai dinyatakan di atas hubungan antara Orang Laut dengan keturunan Sultan Melaka adalah erat sekali. Sejak Raja Kecil masih kanak-kanak Orang Laut telah menyatakan taat setia mereka kepadanya. Apabila Laksamana, datuk Raja Kecil dan ayah ibunya, Encik Pong menyerahkan Raja Kecil kepada Raja Negara Selat, ketua Orang Laut di Singapura, Orang Laut telah menyatakan dengan tegas bahawa walaupun ditimpa kemusnahan mereka tetap setia kepada Raja Kecil kerana dialah pemerintah Johor yang sebenarnya. Justeru itu, apabila Raja Kecil berada di Bengkalis membuat persediaan untuk menyerang Johor, Orang Laut di bawah pimpinan Raja Negara Selat telah meninggalkan Johor dan pergi ke Bengkalis untuk memberikan taat setia mereka kepada raja yang sah dan berdaulat.

11. Aspek sejarah ini belum lagi dikaji dan tidak disebut. Andai disebut ianya disentuh secara tidak langsung, lihat tulisan Winstedt (1934), Andaya (1987) dan Cave (1989).

12. Berdasarkan Raja Kecil tentang potensi Johor/Riau sebagai pusat perdagangan dagangannya kemudian iaitu di sekitar pertengahan tahun 1719. Sebelumnya, atas sebab peribadi, selepas sahaja menakluki Johor beliau telah balik ke Siak dan tinggal di sana sehingga diusir oleh Baginda Sultan Maharaja, putera Minangkabau.

13. Daeng Merewah telah berpindah dari Linggi ke Sungai Baru dalam bulan Januari 1720.

14. Pemerian lanjut tentang Raja Minangkabau semasa kedatangan rombongan Rambau ini lihat: Norhafiz Hj. Ibrahim, 1993 (c): 10-12.

Kelana
A

15. Wilkinson memberikan nama Raja Kasah ini berdasarkan laporan yang diberikan oleh Datuk Kelana Sungai Ujong kepada D.G. Cambell yang ketika itu menjadi Residen British bagi Negeri Sembilan. Lihat nota kaki Wilkinson, 1911: 19.

16. Sumber Wilkinson ini tidak menyebutkan penghulu mana yang menyambut kedatangan Raja Kasah. Andaian yang boleh disarankan ialah Penghulu Johor, Jelebu, Rambau dan Sungai Ujong. Ini hanya satu andaian, ada kemungkinan yang 'penghulu yang empat' itu mungkin juga terdiri daripada salah seorang atau beberapa orang penghulu Ulu Muar, Jempol, Inas, Gunung Pasir, Terapi dan Gemenech.

Kelana
A

17. Penghulu Sungai Ujong yang terlibat ini mungkin Datuk Cantik atau Datuk Pandak. Gelaran Datuk Kelana hanya wujud semasa pemerintahan Datuk Candik (Buyung Adil, 1952: 148) atau Datuk Badur (Buyung Adil, 1981: 6).

18. Jika mengikut Buyung Adil (1981: 35) pada tahun berkenaan ini (1721-22) Johor belum lagi mempunyai penghulu melainkan disebut 'Datuk Johor' sahaja. Penghulu Johor yang pertama hanya dilantik di sekitar tahun 1723, iaitu lebih kurang setahun selepas kedatangan Raja Kasah ke Rambau, dan dia adalah seorang wanita—Datuk Puteri Sidi Awan atau nama peribadinya, Puteri Kanun.

19. Penghulu Naning yang bersama dalam proses menjemput Raja Kasah ini mungkin Datuk Sri Raja Merah Juara Megat yang telah dianugerah cap mohor oleh Sultan Johor dalam tahun 1705 (Cave, 1989: 56), atau penghulu selepasnya iaitu Datuk Kekak atau diketali juga sebagai Zohri.

20. Semasa kedatangan Raja Kasah ini, Jelebu diperintah oleh sarak ada penghulunya yang pertama, Datuk Gotabak atau penggantinya, Datuk Mentunggang. Datuk Gombak berasal dari Minangkabau (Caldecott, 1912: 6) tetapi Buyung Adil (1952: 161; 1981: 15) lebih tegas menyatakan dia berasal dari Pagarruyung, Minangkabau. Atau mungkin juga Datuk Moyang Saiteh yang telah diberi gelaran Mendika Menteri Akhir Zaman Sultan Jelebu oleh Sultan Johor dalam tahun 1757 iaitu kira-kira 35 tahun selepas kedatangan Raja Kasah.

21. Mengikut cerita rakyat Negeri Sembilan, Raja Khatib telah berkahwin dengan Warna Emas, anak gadis Penghulu Naam (Abdul Rahman Hj. Mohamad, 1984: 69-70; Buyung Adil, 1981: 45).

22. Khoo Kay Kim (1990: 5) memberikan laporan yang agak berbeza daripada Andaya. Mengikut Khoo Kay Kim, '... Raja Khatib berjaya dan cuba, selanjutnya, meluaskan pengaruhnya ke Nanning serta kawasan-kawasan lain seperti Sri Menanti, Johor dan Tampin' (penekanan adalah oleh penyusun). Kenyataan Khoo Kay Kim ini bermaksud Raja Khatib cuba mempengaruhi bukan sahaja Nanning tetapi juga Sri Menanti, Johor dan Tampin. Sedangkan Andaya pula menyatakan Raja Khatib cuba mempengaruhi Nanning dengan bantuan (atau versi Inggeris bukannya, 1975: 311-, *with the help of*) kawasan-kawasan tersebut.

1141/1142

23. Dalam adat-istiadat pengkebumihan penghulu Rembau, di keranda jenazah terdapat dua buah kerusi. Kerasi yang terletak di bahagian kaki keranda adalah tempat duduk Datuk Perba, Lambaga suku Biduanda yang juga dianggap sebagai 'lambaga tua' Rembau. Kerasi yang satu lagi terletak di bahagian hadapan (kepala) jenazah. Kerasi ini akan diduduki oleh penghulu yang baru, dan ianya boleh dicabar oleh anggota suku Biduanda yang lain untuk menduduki tempat itu sebelum jenazah itu dikebumikan. Jikaiau tercabar, penghulu baru harus mempertahankan dirinya dan tempat duduknya. Siapa yang berjaya, sama ada merampas atau mempertahankan kerusi itu adalah penghulu Rembau yang baru.

24. Mengikut cerita rakyat Negeri Sembilan, kepala beliau telah ditanam di Bukit Tempurung, tubuhnya ditanam di Bukit Tubuh (atau menurut Wilkinson (1911: 20) di bawah pokok asam jawa berhampiran Ampangan Rambai). Untuk mengetahui cerita yang lebih lanjut tentang kematian Datuk Naam, lihat Abdul Rahman Hj. Mohammad, 1964: 65-69.

25. Di Johor, selepas kekalahan Raja Kecil, walaupun yang memerintah adalah Sultan Sulaiman (1722-60) namun kuasa sebenarnya berada dalam tangan Bugis, iaitu Yamtuan Muda, sedikit-tidaknya sehingga Yamtuan Muda Daeng Kemboja pindah ke Linggi.

26. Pensejarahan dan persejarahan tradisi di Rembau agak kabur tentang siapa dia Raja Adil ini. Mengikut *Hikayat Negeri Johor* Raja Rembau pada sekitar awal tahun 1750-an ini adalah Raja Ali. Jikaiau *Hikayat Negeri Johor* ini lebih tepat besar kemungkinan Raja Ali itu adalah anak Daeng Kemboja, dan dalam tahun 1784 telah dilantik menjadi Yamtuan Muda Johor menggantikan Raja Haji yang telah terbunuh di Teluk Ketapang (1784). Menurut 'Aturan Sungai Ujong' Raja Adil ini datang dari Minangkabau selepas Raja Kasah, tetapi telah ditolak oleh penghulu yang empat kerana tidak mampu mengatur Adat Perpatih (Bland, 1896: 58). Jika demikian, sudah pasti Datuk Luinsuh tidak akan membawanya ke Melaka dalam bulan September 1757 menemui Gabenor dan menandatangani perjanjian Januari 1758 sebagai wakil Rembau dan bersama Datuk Luinsuh sekali lagi semasa menandatangani perjanjian November 1759. Tradisi Jelebu menyatakan Raja Adil juga adalah pengasas institusi Yamtuan Muda Jelebu, walaupun seperti di Rembau, beliau tidak pernah diberi gelaran tersebut. Sumber yang samaselanjutnya menyatakan bahawa beliau adalah 'adik kepada Raja Melewar' dan semasa berada di Jelebu telah membuat petempatan di Pita Serambi, Ulu Klawang (Gaidedeolt, 1912: 20; lihat juga Abdul Samad Idris, 1968: 168).

27. Daeng Kemboja telah dilantik menjadi Yamtuan Muda Johor menggantikan Daeng Celak dalam tahun 1748, tetapi ditabalkan hanya dalam tahun 1749 (Winstedt, 1932: 59).

28. Pertelingkahan ini berlaku sebab Sultan Sulaiman telah bersetuju memberi bantuan kepada Raja Alam anak Raja Kecil Siak memerangi abangnya Raja Buang kerana berebut takhta Kerajaan Siak. Daeng Kemboja tidak bersetuju dengan rencana Sultan Sulaiman itu. Apabila Daeng Kemboja berpindah ke Linggi, orang Bugis yang tinggal di Riau hanya terdiri daripada Tengku Raja Haji serta orang Bugis yang membuat perkampungan di Sungai Timun (*Hikayat Negeri Johor*, 1932: 12-13).

29. Mengikut *Hikayat Negeri Johor* (1932: 14) mereka tinggal di Rembau hanya untuk selama 15 hari.

30. Versi Inggerisnya: ... a treaty offering to give to the Company Rembau and its abne countries (negeri) together with Linggi, subject to two stipulations, firstly that the prayers for the Sultan of Johor, and secondly that power and place should not be

granted to Daeng Kemboja, Raja Alam, Raja Said, Raja Haji, Raja Tua of Klang or Raja Adil of Rembau, who had ruined Malacca. . . .

31. Mengikut cerita tradisi, Cik Menek ini adalah isteri kedua Raja Adil. Isterinya yang pertama adalah anak Penghulu Jelebu yang juga anggota suku Tiga Batu. (Khoo Kay Kim, 1972: 27). Berdasarkan cerita yang dikemukakan oleh Caldecot (1912: 28) Cik Menek adalah isteri Raja Adil yang pertama. Isteri keduanya adalah wanita yang tidak diketahui namanya dan tidak dinyatakan juga dari mana asalnya.

32. Versi Inggerisnya berbunyi: . . . *David Bulen, Governor of Malacca, and Raja Muda Daeng Kemboja of Linggi, Raja Tua of Klang and the heads of the nine countries of Rembau, namely Maharaja Pakki, Penghulu Dagang, Sia Probo (?Purba), Paduka Alam of the Four Tribes and the Penghulu Pandita Kaya and Syahbandar Pandita Garang.*

Dalam perjanjian ini pun ungkapan *nine countries of Rembau* (Rembau and its nine countries) telah digunakan. Satu perkara yang mungkin menarik di sini ialah tentang gelaran bagi pemimpin negeri Rembau yang sembilan yang tersebut dalam perjanjian itu. Ada beberapa gelaran seperti (Penghulu) Dagang, (Setia) Purba, dan Syahbandar (Pandita Dagang) adalah gelaran (di luar kurungan) bagi lembaga-lembaga suku tertentu di Rembau. Andalan yang boleh dan mungkin kita kemukakan di sini adalah ungkapan 'negeri sembilan' itu bukan bermaksud 'negeri' dalam erti kata kerajaan, tetapi adalah suku dilihat dari segi pewilayahan iaitu satu suku satu wilayah. Dengan demikian negeri Rembau yang sembilan itu bukan membawa maksud sembilan buah negeri rantau Minangkabau yang terletak di luar sempadan Kerajaan Rembau tetapi adalah sembilan buah petempatan suku (nagari) yang terletak dalam sempadan Kerajaan Rembau sendiri. Oleh sebab hanya tiga sahaja gelaran dalam perjanjian itu: boleh kita samakan dengan gelaran datuk lembaga Rembau sekarang, agak sukar hendak menamakan atau menentukan wilayah suku mana yang dimaksudkan. Antara tiga perkara itu, satu daripadanya, Syahbandar, bukannya gelaran lembaga ketua suku melainkan gilirian Besar Penghulu Rembau, tanpa perkataan Pandita Garang, Pembesar lain Purba, tanpa Setia adalah lembaga suku Biduanda Jakun dan Jawa, dan Dagang tanpa Penghulu adalah pembesar suku Semelenggang (Sri Melenggang). Gelaran lain, Maharaja Pakki, Paduka Alam (yang mengetuai suku yang empat?) dan Penghulu Pandita Kaya, masih belum dapat dipastikan nama suku yang diketuainya.

33. Daeng Kemboja, selepas kematian Sultan Abdul Jalil, telah menjadi pemangku Sultan Johor yang baru, Sultan Mahmud. Menurut *Hikayat Negeri Johor* pada masa Sultan Mahmud ditabalkan, baginda masih kecil berumur lebih kurang dua tahun (Andaya, B.W. 1974: 41: menyatakan umurnya ketika itu adalah lapan tahun) dan tinggal bersama dengan Yang Dipertuan Muda, Daeng Kemboja (Winstedt, 1932 (a): 160). Bonda Sultan Mahmud ini adalah daripada kerabat Yang Dipertuan Muda (Winstedt, 1932: 57). Perlantikan ini membolehkan golongan Bugis mengetuai pemerintahan atas nama sultan yang masih muda itu (Almad Fawzi Basri, 1988: 4).

34. Semasa di Jelebu beliau tinggal di rumah isterinya di Kampung Pita Serambi, Ulu Klawang.

35. Raja Lumu adalah anak Daeng Chelak, dan sepupu kepada Daeng Kemboja (Andaya, 1974: 42).

36. Srilah dan Awaluddin adalah anak kepada Sultan Alauddin iaitu Daeng Chelak, Yamtuan Muda Riau kedua. Srilah adalah kakak kepada Awaluddin. Suami Srilah bernama Kunut ('Tuk Lebai') iaitu seorang guru agama, mula-mula di Sulawesi dan apabila pergi dan menetap di Riau, beliau telah meneruskan kerjayanya sebagai guru agama di Rindu. Srilah dan Awaluddin berpindah dari Riau, selain kerana bersama mengikut migrasi besar orang Bugis keluar dari Riau bersama Daeng Kemboja, juga sebab tidak mahu menjalankan perintah nyah benda mereka untuk menuntut pusaka yang masih tertinggal di negeri awal Bugis, iaitu Sulawesi dengan jalan menumpahkan darah (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976: 25-26).

37. Kampung Bandar pernah dihuni oleh Newbold (1839: 126-30) dalam bulan Oktober 1832. Dalam awal kurun ke-19 Kampung Bandar ini dianggap oleh pihak Inggeris sebagai pusat (*its capital*) Kerajaan Rembau (Newbold, 1839: 133). Khoo Kay Kim (1984: 12) menganggapnya sebagai 'Kampungutama di Rembau Hill'.

38. Menurut Cikgu Abas dalam suratnya kepada Pegawai Daerah Port Dickson pada 28.7.1924 yang difailkan dalam DOPD No. 231/23, seperti yang dikutip oleh Hamid Abdullah (1984: 57) nama Penghulu Rembau datang bersama Awaluddin menemui Daeng Kemboja itu ialah Datuk Kusih. Dalam daftar Penghulu Rembau, Datuk Kusih, pengulu yang ke sebelas, memerintah antara tahun 1795 hingga 1812 (Port dan Mackray, 1910: 118). Mohamed Ali bin Daidan (1976: 30) yang menggunakan Manuskrip Inam Arabik telah menyatakan bahawa Mahmud Janggut yang datang menemui Penghulu Rembau dan Awaluddin itu adalah Yamtuan Muda Daeng Kemboja. Baghie (1934: 70) ada menyebut gelaran *Moorvotum Janggut* bagi seorang (*yang de Perawan Moorvotum*). Adakah *Moorvotum Janggut* ini bermaksud Mahmud Janggut? Jika benar itulah ia *Moorvotum Janggut* (Gharham Janggut) Baghie ini adalah Raja Ali yang telah diangkat menjadi Yamtuan Muda pada sekitar tahun 1795 menggantikan Raja Haji, dan telah meninggal dalam tahun 1807. Daripada pemerintahan di atas nyatalah terdapat perenggahan pendapat.

(a) Jika Mahmud Janggut itu Daeng Kemboja, Penghulu Rembau yang bertemu dengannya bukan Datuk Lela Maharaja Kusih kerana Datuk Kusih mula memegang kuasa penghulu dalam tahun 1795. Pada tahun tersebut, Daeng Kemboja telah meninggal dunia (1777). Penghulu Rembau pada masa Daeng Kemboja menjadi Yamtuan Muda (1748-77) itu adalah Datuk Lalusah (1750-66).

(b) Jika benar Datuk Lela Maharaja Kusih (1795-1812) yang pergi bersama Awaluddin ke Kuala Linggi menemui Yamtuan Muda, maka Yamtuan Muda yang mereka temui itu bukannya Daeng Kemboja tetapi Raja Ali (1785-1807) atau Raja Saafir (1807-31/32).

Oleh sebab peristiwa ini terjadi di sekitar akhir tahun 1776 dan awal 1777 maka Penghulu Rembau yang pergi bersama Awaluddin ke Kuala Linggi itu adalah Datuk Lela Maharaja Lalusah.

39. Untuk keterangan lanjut tentang adas ini, lihat Hamid Abdullah, 1984: 63-65.

40. Untuk huraian dan konsep kebudayaan srt ini, lihat Hamid Abdullah, 1984: 11-16.

41. Untuk perbincangan lanjut tentang pemerintahan Unggi lihat Abdul Aziz bin Salleh, 1973: 48-50; Muhammad Ali b. Daidan, 1976: 23-24; Hamid Abdullah, 1984: 42-51; dan Sarina b. Baharudin, 1988.

42. Peristiwa ini timbul akibat daripada masalah yang berkaitan perbuatan Sungai Ujong memukul perahu orang Linggi yang diketuai oleh Mahmud, yang memukul Sungai Batang Pinar membawa dagangan di Sungai Ujong. Sebagai penyelesaian, masalah tersebut, setelah mengetahui bahawa wilayah Linggi itu adalah pertuanan Rembau, Datuk Kelana Putera Baki (atau Laha) telah bersenda: 'Jika ia (Linggi itu) sudah anak Rembau, araklah kepada Semujong'. Lihat perbincangan lanjut dalam Abdul Aziz bin Salleh, 1973: 51-57.

EUGIS DI REMBAU

37. Kampung Bandar pernah dilawati oleh Newbold (1839: 128-30) dalam bulan Oktober 1833. Dalam soal surat ke-19 Kampung Bandar ini dianggap oleh pihak Inggeris sebagai pusat (*de capital*) Kerajaan Rembau (Newbold, 1839: 136). Khoo Kay Kim (1984: 23) menganggapnya sebagai 'Kampung utama di Rembau Hilir'.

38. Menurut Cogan Abas dalam suratnya kepada Pegawai Daerah Perak (Dickson) pada 23.7.1904 yang dihidkan dalam DCPD No. 231/04 seperti yang dikutip oleh Hamid Abdullah (1984: 57) nama Penghulu Rembau Jalang bernama Awaluddin menerima tawar Kemboja itu ialah Datuk Kusil. Dalam daftar Penghulu Rembau, Datuk Kusil, mangku yang ke sebelas, memerintah antara tahun 1735 hingga 1812 (Fair dan Mackenzie, 1915: 118). Mohamad Ali bin Dahlan (1978: 30) yang menggunakan Manuskrip Iman Andak telah menyatakan bahawa Marhum Janggut yang datang menerima Penghulu Rembau dan Awaluddin, itu adalah Yamtuan Muda Daeng Kemboja. Deghis (1854: 90) ia menyebut gelaran *Muhammad Janggut* bagi seorang *Angg* de *Pertuan Manda*. Adakah *Muhammad Janggut* ini berhubung Marhum Janggut? Jikalau benar trahsan ini *Muhammad Janggut* (Qabul Janggut) Deghis ini adalah Raja Ali yang telah ditangk menjadi Yamtuan Muda pada sekitar tahun 1735 menggantikan Raja Haji, dan telah meninggal dalam tahun 1807. Sebagai pemerincian di atas nyatalah terdapat pertanggihan pencatat.

(A) Jika Marhum Janggut itu Daeng Kemboja, Penghulu Rembau yang bertemu dengannya ialah Datuk Lela Maharaja Kusil kerana Datuk Kusil mula memegang kuasa penghulu dalam tahun 1734. Pada tahun tersebut, Daeng Kemboja telah meninggal dunia (1777). Penghulu Rembau pada masa Daeng Kemboja menjadi Yamtuan Muda (1748-77) itu adalah Datuk Lela (1730-90).

(B) Jika benar Datuk Lela Maharaja Kusil (1735-1812) yang pergi bersama Awaluddin ke Kuala Linggi menerima Yamtuan Muda, maka Yamtuan Muda yang mereka temui itu bukanlah Daeng Kemboja tetapi Raja Ali (1735-1807) atau Raja Lela (1807-31/32).

Dari sebab berakut ini terjadi di sekitar akhir tahun 1770 dan awal 1777 maka Penghulu Rembau yang pergi bersama Awaluddin ke Kuala Linggi itu adalah Datuk Lela Maharaja Lela.

39. Untuk keterangan lanjut tentang adak ini, lihat Hamid Abdullah, 1984: 63-65.

40. Untuk huraian dan konsep kebudayaan ini, lihat Hamid Abdullah, 1984: 11-15.

41. Untuk perbandingan lanjut tentang pemerolehan Linggi lihat Abdul Aziz bin Saleh, 1970: 33-35; Mohamad Ali bin Dahlan, 1976: 25-44; Hamid Abdullah, 1984: 42-51; dan Saman bin Baharuddin, 1989.

42. Peristiwa ini timbul akibat daripada masalah yang berkaitan perbatasan Sungai Ujung merujuk perahu orang Linggi yang dihidkan oleh Marhum, yang merudih Sungai Belang. Perahu membawa dagangan di Sungai Ujung. Semasa menyelesaikan masalah tersebut, terdapat pengetahuan bahawa orang Linggi itu adalah perbatasan Rembau. Datuk Kelana Putera Hala (atau Lela) telah berakut: 'Jikalau (Linggi) itu sudah anak Rembau, araklah kepada Rembau'. Lihat perbincangan lanjut dalam Abdul Aziz bin Saleh, 1970: 64-67.

Lampiran

LAMPIRAN 1

Letters from Syed Shaaban of Rembau Betraying Nanning during the Nanning War

This letter from Toon Koo Syed Sabban to J.B. Westerhout Esq. with compliments etc. in Malacca.

We wrote to our friend regarding Mr. Lewis going to beat Nanning for not obeying the orders of Government.

Therefore assistance came to the Panghooloo of Nanning from all the Malays in great numbers. We are also amongst them together with the Panghoolos of Rumbow but we have not assisted as yet. There being so many men from Rumbow to Nanning is the reason for our following there.

We now inform our friend that if he will settle with Mr. Lewis to pay Spanish Dollar 500 we will get the Malays to return back to their own countries. For what have we got to say to the business? It is the Company's people warring with the Company, and all the Panghoolos will be guided by us, and if we return all the other Panghoolos will also go away. If Mr. Lewis settle it as expressed in this our letter, our friend can send the money together with our friend's signature by the hand of a truly trusted person to us.

We further ask our friend if Mr. Lewis is going to take the country as far as Rumbow. If so, we must decline receiving the money. If he is not going to do so, we will receive it.

After compliments. Dated 19th August 1831

Letter received 22nd August

This letter is from Toon Koo Syed Sabban to J.B. Westerhout Esq. after compliments.

Our friend has requested that all the Panghoolos and ryots should return from Nanning to their own different countries, that when it is ascertained that they have done so Spanish Dollars 500 will be certainly paid to us. Now when our friend's letter came to hand we retired to our separate countries, but the people only agreed to do so for two or three days, and if in that time our friend does not send the money the Panghoolos mean to return to Nanning and then we cannot prevent them.

If our friend sends the Sp. Drs. 500 we will receive it and our friend will see that his friend's wishes will be fulfilled regarding all these Panghooloos.

When the sepoy's were coming up [and here he alludes to Captain Hibgame's party going to Soongye Pattiyel] there was a little fighting amongst the people as our friend's letter only just arrived at the time the troops did.

We were then in Panghooloo Seedin's house at Gajah Mati fast asleep, and suddenly awakened by the report of guns. We therefore immediately retired.

Our friend's wish to take the same Panghooloo of Nanning we cannot comply with, but if our friend's life and ours is spared we shall see what can be done.

Written on 22nd August. These letters brought by Pandeka Ondo Mata mata of Roombyah.

Letter dated 25th August

This letter with sincerity etc etc from Toon Koo Syed Sabban who is now residing in Roombyah and is addressed to J.B. Westerhout Esq with compliments.

Our friend wrote us a letter which has been safely received. From it we understand that our friend states that the Dollars 500 will be brought to Roombyah on Monday 2st Awal or 29th August. As we were to send a trusted person for it, we have now sent Pandeka Ondo and Hadji Talib with our receipt against seal to receive the 500 Dollars in question.

With compliments

Letter enclosed with the above. Now we have to inform our friends as a secret that the Panghooloo of Nanning wants to attack Malacca and he has requested assistance from Rumbow and Moar, but the people of those places cannot any more assist, as we and the Iang de Pertuan of Rumbow cannot assist Nanning any more as we have sworn fealty with our friend and we will never break from our engagements.

The record reads 'facility'

Source: Translations by Lewis copied in SSR B. Sec. Pol 362, Consultations of 14th October 1831.

LAMPIRAN
LAMPIRAN 2

Senarai Penghulu (Undang) Rembau

Bil	Nama	Waris	Kampung	Tarikh Memerintah
1.	Si Rama (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1540-1555
2.	Ambo @ Amba (Sedia Raja)	Jawa	Kota	1555-1605
3.	Lenggang @ Genggang (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1605-1620
4.	Pandak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1620-1645
5.	Uban @ Putih Kepala (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1645-1660
6.	Sagah (Sedia Raja)	Jawa	—	1660-1690
7.	Kurap (Sedia Raja)	Jawa	—	1690-1725
8.	Sabat @ Sobok (Sedia Raja)	Jawa	—	1725-1760
9.	Lulinoh	Jakun	Chengkau	1760-1790
10.	Pekak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1790-1795
11.	Kosil @ Kesir (Lela Maharaja)	Jakun	Tebet	1795-1812
12.	Bogok @ Bahago (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1812-1819
13.	Ngorit @ Ngarit @ Rensh (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1819-1843
14.	Akhir (Sedia Raja)	Jawa	Pulau	1843-1872
15.	Haji Sahil (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1872-1883
16.	Serun bin Sidin (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1883-1905
17.	Haji Sulong bin Meah (Lela Maharaja)	Jakun	Gedong	1905-1922
18.	Abdullah bin Haji Dahan (Sedia Raja)	Jawa	Tanjong	1922-1938
19.	Haji Ipap bin Abdullah (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1938-1962
20.	Haji Adnan bin Ma'ah (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1963—

LAMPIRAN 3

LAMPIRAN 3

Keluarga Diraja Rembau

A. Raja Rembau.

Bil	Nama	Tarikh Memerintah
1.	Raja Melewar	1721/22-1728-29 (Beliau meninggal di Seri Menanti 1740-an)
2.	Raja Adil	1740-an-1773

0.75 pt rule

0.25 pt rule

B. Yang Dipertuan Muda Rembau.

1. Raja Asil bin Raja Adil 1778-1795.
2. Raja Ali bin Raja Aman 1795-1832
3. Syed Syashan bin Syed Ibrahim al-Kadiri 1832-1836

C. Yang Dipertuan Besar Rembau.

1. Raja Ali bin Raja Aman 1832-1836.

0.75 pt rule.

↓ LAMPIRAN 4

bring LAMPIRAN 4 here.

LAMPIRAN
LAMPIRAN 4

Tarikh Penting dalam Sejarah Rembau

<i>Tarikh</i>	<i>Peristiwa</i>
Abad 12	1. Kedatangan perantau <i>pelarian</i> ke Tumasi (Marsden). 2. Penghijrahan daripada Tumasi ke utara Semenanjung Tanah Melayu: Sang Hyang Hujung, Kelang dan Muar; membuka petempatan.
Abad 13 ± 1260	1. Kedatangan perantau <i>pelarian</i> ke Sang Hyang Hujung. 2. Perantau <i>pelarian</i> masuk ke pedalaman Sang Hyang Hujung meneroka kawasan Rembau; di tebing Sungai Penajih (Favre).
Abad 14 1365	Penempatan di Sang Hyang Hujung di bawah takluk Majapahit (<i>Nagarakartagama</i>).
± 1338	Kedatangan perantau peneroka dan pedagang ke Rembau (Abas Haji Ali). Mereka membuat petempatan sementara (dusun).
± 1388	Kedatangan perantau peneroka dan pedagang ke Rembau (Newbold). Mereka membuat petempatan sementara.
Abad 15 ± 1475	Batin Sekudai dilahirkan.
± 1490	Batin Sekudai berkahwin.
± 1490-an	Datuk Leteh, pembesar Minangkabau sampai ke Rembau, menetap di Kampung Relong.
± 1497	1. Datuk Bungkal binti Batin Sekudai dilahirkan di Kampung Relong. 2. Datuk Bungkal diambil oleh Datuk Leteh sebagai anak angkat.
± 1498-1500	Tun Zainal Abidin bin Bendahara Seri Maharaja Tun Perak berada di Lubuk China, Rembau; bergelar Datuk Lubuk China.
Abad 16 ± 1500	Batin Sekudai dan Datuk Leteh berpindah dari Kampung Relong ke Kampung Kebun Lada (Kampung Lada sekarang).
± 1501	1. Batin Sekudai meninggalkan Rembau untuk menetap di Seliau. 2. Datuk Leteh dilantik <i>pentadbir</i> Rembau. 3. Rembau mencapai tahap <i>nagari</i> dalam proses melamorfosis petempatan Minangkabau.
± 1502	1. Batin Pak Nilu membuka hutan gombira di kawasan Kota sekarang.

Tarikh

Peristiwa

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATHI PERADABAN

Susunan, ble:
repeat here
for all the
table, an
rule.

2. Membuat perkampungan untuk Datuk Bungkal.
3. Pokok merbau tua yang tumbuh di Kampung Api-api sekarang ditebang.
4. Nama Rembau bertukar daripada *Perabu* kepada *Merbau Tua*.
- ± 1504
 1. Datuk Lela dan Datuk Bungkal berpindah dari Kampung Kebun Lada ke Kampung Gombira.
 2. Datuk Bungkal menukar nama Kampung Gombira kepada *Kampung Kotor* (Kampung Kota Lama sekarang).
- 1511
 1. Kerajaan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis.
 2. Sultan Mahmud Melaka berundur ke Rembau (Braddell).
- 1512

Ekspedisi tentera Portugis sampai ke sempadan Rembau-Naning (kawasan Kendung sekarang).
- 1514

Portugis mendirikan kubu di Kuala Sungai Penajih (Kuala Linggi sekarang).
- 1516-18
 1. Datuk Lela Balang dan orangnya sampai di Kampung Kotor.
 2. Datuk Laut Dalam dan pengikutnya membuka Kampung Padang Lekok.
 3. Datuk Lela Balang berkahwin dengan Datuk Bungkal binti Batin Sekudai.
- 1516-17
1520-an

Si Rama bin Datuk Lela Balang dilahirkan.

 1. *Perikatan Lembaga Yang Lima* atau dikenali juga sebagai *Berlima Ke Hulu* ditubuhkan di Rembau Darat.
 2. *Ikatan Bersembilan Suku Ke Hilir* atau dikenali juga sebagai *Bersembilan Ke Hilir* ditubuhkan di Rembau Darat.
- 1519-25
 1. Kedatangan Datuk Budi, Datuk Laut, Datuk Baginda dan Datuk Putih ke Rembau.
 2. Mereka membuat petempatan di Rembau Darat: Kampung Batu Hampar, Kampung Sungai Layang, Kampung Bintungan dan Kampung Lubuk Rusa-Selemak.
- 1524-25

Si Hawa binti Datuk Laut Dalam dilahirkan di Kampung Padang Lekok.
- 1539-40
 1. Datuk Lela Balang dengan diiringi Datuk Laut Dalam menghadap Sultan Alauddin Riayat Shah (1527/28-1564) di Johor Lama.
 2. Sultan merestui perantikan keturunan Datuk Lela Balang sebagai Penghulu Rembau dan memberi gelaran *Datuk Lela Maharaja*.
 3. Sultan merestui permintaan Datuk Laut Dalam agar keturunannya juga menjadi Penghulu Rembau secara bergilir dengan keturunan Datuk Lela Balang, dengan gelaran *Datuk Sedia Raja*.
 4. Sultan memberi gelaran baru kepada Datuk Lela Balang: *Datuk Gempu Maharaja*, dan Datuk Laut Dalam: *Datuk Merah Bangsa* (atau *Datuk Merbangsa*).

LAMPIRAN

5. Kerapatan besar adat untuk menyusun struktur dan organisasi politik serta sosial Rembau, khususnya bagi Rembau Baroh.
- 1540
1. Si Rama bin Datuk Lela Balang @ Datuk Gempa Maharaja dikerjankan sebagai Penghulu Rembau pertama di Kampung Kota.
 2. Si Rama dikahwinkan dengan Siti Hawa bin-Datuk Laut Dalam @ Datuk Merbangsa di Kampung Padang Lekok.
 3. Penubuhan *Lembaga Tiang Balai Yang Empat Di Baroh*.
 4. Melantik dan memberi gelaran kepada ketua-ketua suku di Rembau, termasuk suku-suku di Rembau Darat.
- 1540-41
- Ambo bin Si Rama dilahirkan.
1. Kerapatan adat membahagikan Rembau kepada dua: *Rembau Baroh* dan *Rembau Darat*.
 2. Kedatangan orang Tanah Datar daripada Minangkabau di bawah pimpinan Datuk Maharaja Inda Bogok.
 3. Kedatangan orang Tiga Batu di bawah pimpinan Nang Besar.
 4. Kedatangan orang suku Mungkal daripada Macap, Naring, di bawah pimpinan Datuk Mengiang (sekarang disebut Datuk Ngiang).
- 1555
1. Datuk Lela Maharaja Si Rama meninggal dunia.
 2. Ambo bin Si Rama dipilih menjadi Penghulu Rembau kedua.
- 1586
1. Utusan daripada Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Shah (1570-97) menemui Datuk Sedia Raja Ambo meminta bantuan menyerang Melaka.
 2. Orang Rembau membakar dan memusnahkan harta benda di sekitar tebing Sungai Melaka serta menyekat lalu lintas makanan keluar masuk ke Melaka.
 3. Orang Portugis sampai ke sempadan Rembau-Naring. Mereka dipimpin oleh d'Azambuja.
 4. Datuk Ambo memohon perdamaian dengan d'Azambuja.
- Abad 17
- 1605
1. Datuk Ambo meninggal dunia.
 2. Lenggang dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-3 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
- 1620
1. Datuk Lenggang meninggal dunia.
 2. Pandak dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-4 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- 1622
- Rombongan Turku Besar Raja Bujang sampai di Rembau Darat dan membuat petempatan di Kampung Penajih, Ulu Sepri.
- 1623-24
- Sultan Abdul Jalil II (1623-77) Johor melantik Datuk Ganti Maharaja, lembaga suku Anak Melaka sebagai wakil kerajaan Johor di Rembau.

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

- | | |
|-------------------|--|
| 1640, 7 September | 1. Rembau menghantar seramai 300 orang tentera membantu Johor dan Belanda menyerang Melaka. |
| 27 Oktober | 2. Rembau menghantar seramai 500 orang tentera dalam serangannya ke atas Melaka. |
| 1641, 14 Januari | 1. Melaka jatuh ke tangan Belanda. |
| Februari-Mac | 2. Lebai Muda dan Hitam ditahan Belanda di Tampin. |
| | 3. Hitam berjaya melepaskan diri dan mendapat perlindungan di Rembau. |
| 1642, Januari | 1. Jan Janz Menie menyekat lalu lintas di Sungai Penajih. |
| Februari | 2. Jan Janz Menie datang ke Rembau menemui Datuk Pandak. |
| | 3. Belanda menebus pelarian Kristian daripada Rembau. |
| | 4. Belanda membuka semula lalu lintas di Sungai Penajih. |
| April | 5. Utusan Sultan Johor menemui Datuk Pandak dan meminta membayar denda \$200. |
| 1-2 Mei | 6. Utusan Rembau berada di Melaka meminta Belanda menjadi pengantaraan dengan Johor tentang denda \$200. |
| 1643, 5 Mei | 1. Orang Rembau membakar kapal dan membunuh dua orang anak kapal Melaka di Sungai Baru. |
| 23 Mei | 2. Peperangan antara orang Rembau dan Belanda di Sungai Penajih berkaitan dengan perbuatan Belanda menutup sungai tersebut. |
| 1644 | 1. Utusan daripada Sultan Johor sampai ke Rembau. |
| Januari | 2. Penghulu Rembau disoalselidik oleh Sultan Johor di Batu Sawar tentang rompakan ke atas Jorge Fernandez dan pembunuhan orang Kristian oleh orang Tampin. |
| 5 Februari | 3. Forsenburgh dan Menie datang menemui Datuk Pandak di Rembau. |
| | 4. Pergaduhan antara Rembau dan Belanda berlaku; semua orang Belanda, termasuk Forsenburgh dan Menie mati terbunuh. |
| 7 Februari | 5. Gabenor van Vliet dan pasukannya diserang hendap oleh orang Rembau. Belanda berundur ke Melaka dan meninggalkan peti berisi wang sejumlah 13,000 rial. |
| Ogos | 6. Sekumpulan enam orang pengintip Rembau-Naning di bawah pimpinan Hitam berjaya mengumpulkan seribu orang tentera untuk melanggar Melaka. |
| 16 Ogos | 7. Orang Rembau-Naning, di bawah pimpinan Hitam berjaya menawan Bukit China, Melaka. |
| | 8. Belanda berjaya mematahkan pemberontakan Rembau-Naning. |
| | 9. Hitam dan kumpulannya kecuali seorang telah dihukum bunuh oleh Belanda. |
| 1645 | 1. Tunku Besar Raja Bujang meninggal dunia di Ulu Sepri. |
| Februari | 2. Tentera Rembau-Naning mengalahkan Belanda di Melekek. |
| | 3. Datuk Sedia Raja Pandak meninggal dunia. |

LAMPIRAN

4. Uban dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-5 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
- 1646
Mac
24 Jun
17 September
1. Tentera Rembau-Naning dikalahkan oleh Belanda di Taboh Naning.
 2. Rembau menghantar perwakilan yang diketuai oleh Datuk Jalila Muluk dan Khatib Sitam Muda ke Melaka merundingkan perjanjian persahabatan Rembau-Belanda.
 3. Pengampunan 24 orang rakyat Rembau-Naning oleh pihak berkuasa Belanda di Betawi yang akan dihukum bunuh.
 4. Rundingan damai diadakan di rumah Datuk Jalila Muluk antara Pembesar Rembau dan Naning dengan Abraham Steen, wakil kerajaan Belanda.
 5. Datuk Uban menandatangani perjanjian perdamaian Rembau-Belanda.
- 1647
1649
1650-an
1659
1660
1670 Disember
1671 Januari
1675
- Neydert Clinkert datang ke Rembau mengutip bayaran atas tuntutan ganti rugi Belanda.
- Sekumpulan orang Sungai Ujong (suku Semelenggang) membuat perkampungan di Rembau Darat. Mereka bernaung di bawah Datuk Mendelika. Kelompok baru ini dikenali sebagai *Semelenggang Empat Ibu*.
1. Satu kumpulan orang Biduanda Jakun di bawah pimpinan Datuk Gindai Lautan datang membuat perkampungan di Rembau Darat.
 2. Sekumpulan orang Minangkabau yang berasal dari Batu Hampar di bawah pimpinan Datuk Sutan Bendahara sampai ke Rembau Darat.
1. Keluarga Diraja Johor datang ke Rembau meminang anak gadis suku Biduanda Jakun bernama Seri Banun. Peminangan itu telah ditolak oleh Orang Kaya Kecil, ayah Seri Banun.
 2. Datuk Lela Maharaja Uban mengisytiharkan bahawa *hak carak Biduanda Jakun menyandang pusaka Penghulu Rembau dicabut* (dilucutkan) *untuk sekali giliran* kerana dianggap *menderhaka* menolak pinangan diraja Johor.
 3. Si Amat anak Orang Kaya Kecil dan saudara kandung Seri Banun dihukum bunuh oleh Sultan Abdul Jalil II (1623-77).
1. Datuk Lela Maharaja Uban meninggal dunia.
 2. Sagah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-6 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- Utusan Datuk Sagah menghadap Sultan Johor untuk meminta izin menyerang Belanda di Melaka.
- Datuk Sagah menemui Penghulu-penghulu Sungai Ujong, Kelang dan Naning merundingkan hal menjemput seorang putera raja dari Minangkabau.

NEGERI YANG SEMBILAN; WARISAN SATU PERADABAN

1677 Februari Mac	Raja Ibrahim, putera raja Minangkabau sampai ke Rembau. Raja Ibrahim mengutus surat kepada Belanda di Melaka meminta Melaka jangan lagi mengganggu Rembau dan Nanning. Surat itu tidak dijawab oleh pihak Belanda.
April	1. Raja Ibrahim dengan diikuti 3,770 orang pengikut bersedia menyerang Melaka. 2. Raja Ibrahim berjaya menawan beberapa kawasan di pinggir bandar Melaka.
Jun	Raja Ibrahim dan tenteranya berundur dari Melaka dan balik ke Rembau-Nanning.
November- Disember	Raja Ibrahim mengadakan beberapa rundingan dengan Sultan Kuantan, Sunatera untuk mengadakan pakatan atas dasar keturunan Minangkabau, menyerang Belanda di Melaka. Mereka gagal mencapai kata sepakat.
1678	1. Raja Ibrahim membuat permuafakatan dengan orang-orang Bugis dan Makasar di Kelang atas dasar <i>seagama</i> untuk menyerang Belanda di Melaka. 2. Belanda menyerang Rembau; ikatan <i>seagama</i> yang cuba diwujudkan oleh Raja Ibrahim itu gagal.
Oktober	3. Raja Ibrahim mati dibunuh oleh Baggia, hamba kepunyaan Datuk Raja Merah, Penghulu Nanning.
November	4. Datuk Sagah membaharui perjanjian persediaan dan persehabatan dengan Belanda.
1680, Januari	1. Utusan Datuk Sagah ke Melaka merundingkan suatu perjanjian perdamaian dengan Belanda.
13 Februari	2. Surat perjanjian damai Rembau-Melaka ditandatangani di Melaka.
1690	1. Datuk Sagah meninggal dunia. 2. Kurap dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-7 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
Abad 18.	
1705	Berlaku 'kekacauan' di Rembau berkaitan dengan hamba kepunyaan Encik Panda.
1706	1. Rembau bangun memberontak menentang Johor.
Julai	2. Pemberontakan Rembau dapat dipatahkan oleh Bendahara Tun Mas Anum dan Sri Nara Diraja.
1707	Bendahara Tun Mas Anum menganugerahkan cap mohor yang bertulis ' <i>dengan restu Bendahara Sri Maharaja</i> ' kepada Penghulu Rembau.
1715	1. Rembau didatangi utusan Sultan Johor di bawah pimpinan Sri Bija Wangsa dan Orang Kaya Paduka Sri Dewa serta Encik Yusof bersama suatu angkatan perang meminta bantuan mengeluarkan orang Bugis daripada Linggi. Angkatan Johor-Rembau-Sungai Ujong gagal mengeluarkan orang Bugis daripada Linggi.

LAMPIRAN

- | | |
|--------------|---|
| Mei | 3. Satu lagi angkatan Johor di bawah pimpinan Temenggong Tun Alkhaf Jamsi tiba di Rembau meminta bantuan menyerang Linggi sekali lagi. Ekspedisi ini juga menemui kegagalan. |
| Julai-Ogos | 4. Sekali lagi Rembau menghantar tentera membantu angkatan perang Johor di bawah pimpinan Laksamana Sri Nara dan Sri Bija Wangsa menghukum orang-orang Air Hitam dan Sungai Tuan kerana membantu Bugis dalam ekspedisi sebelumnya. |
| 1716, April | Rembau membantu Raja Muda Tun Mahmud Johor memper-tahankan Selangor daripada serangan Daeng Marewah. Ang-katan Johor-Rembau mengalami kekalahan. |
| 1721 | Datuk Kurap menghantar utusan ke Pagarruyung meminta seorang putera raja. |
| 1721-22 | Raja Melewar ditabalkan sebagai <i>Raja Rembau</i> di Penajih. |
| 1723 | Rembau diserang Raja Khatib. Satu pertempuran berlaku di Kampung Bukit. Raja Melewar telah kalah dan berundur me-lindungi diri di Sepri. |
| 1725 | 1. Datuk Kurap meninggal dunia.
2. Selepas kekecuaan, Sobok @ Sabat telah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-8 dengan gelaran Datuk Sedia Raja. |
| 1726-27 | Angkatan perang Raja Melewar dari Rembau menyerang Raja Khatib di Seri Menanti. Raja Khatib melarikan diri ke Melaka (Naning). |
| 1728-29 | Raja Melewar diusir keluar daripada Rembau oleh Datuk Sabat. |
| 1740-an | 1. Raja Melewar meninggal dunia di Seri Menanti.
2. Raja Adil, seorang putera Bugis diletakkan di Rembau se-bagai <i>Raja Rembau II</i> dan wakil kerajaan Johor di Rembau.
3. Raja Adil berkahwin dengan Cik Menek, wanita Tampin, anggota suku Tiga Batu.
4. Raja Adil ditempatkan di Pedas, Rembau Darat. |
| 1756 | 1. Daeng Kemboja berundur diri daripada Linggi ke Rembau setelah diusir oleh Yang Dipertuan Kecil Terengganu dan Daeng Tumik. |
| Julai | 2. Daeng Kemboja membuat persetiaan dengan kerajaan Rembau. |
| Oktober | 3. Raja Adil serta tentera Rembau membantu Daeng Kemboja menyerang Melaka, Tranquera dan Kelebang ditawan. Perang berlanjutan untuk lebih kurang sembilan bulan. |
| 1757 | 1. Tentera Rembau-Bugis terpaksa berundur dari kawasan Melaka. |
| Julai-Ogos | 2. Daeng Kemboja menetap di Rembau Hilir. |
| 29 September | 3. Pembesar-pembesar Rembau dan Kelang telah ke Melaka menemui Jacob Morsel untuk membuat perjanjian tetapi gagal kerana Linggi tidak ada wakil. |

1750
ambil
dari ms
sebelum

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

	4. Semasa di Melaka ini Datuk Sabat telah berkahwin dengan seorang wanita Portugis.
November	5. Daeng Kemboja dan keluarganya berpindah ke Pedas berhampiran tempat kediaman Raja Adil.
12 Disember	6. Perjanjian Johor-Belanda ditandatangani dan Johor menyerahkan Rembau dan Linggi ke tangan Belanda.
1758, 1 Januari	Rembau yang hanya diwakili oleh Raja Adil, Belanda dan Bugis (Linggi) menandatangani satu perjanjian di Fort Filipina, di Kuala Linggi sekarang.
1759, 11 November	Satu lagi perjanjian, menggantikan perjanjian Januari 1758 yang tidak sah telah ditandatangani oleh Pembesar-pembesar Rembau, Kelang, Linggi dan Belanda.
SI 1760	1. Datuk Sabat meninggal dunia. 2. Lulinsuh telah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-9 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
1761	1. Jenazah Tunku Raja Diharoh yang meninggal di Selangor dibawa ke tempat kediaman Daeng Kemboja di Pedas. 2. Daeng Kemboja bersama keluarga balik ke Riau mengiringi jenazah dan terus tinggal di Riau.
1775	Serombongan orang Bugis daripada Riau yang diketuai oleh Awaluddin dan Serlah datang ke Rembau untuk membuat perkampungan. Mereka telah diberi tempat di Bandar, Penajih.
1778	1. Raja Adil (Raja Rembau II) meninggal dunia. 2. Raja Asli bin Raja Adil dilantik menjadi <i>Yang Dipertuan Muda Rembau</i> . Beliau menggelarkan dirinya <i>Sultan Mahmud Shah</i> .
1783	1. Orang Bugis yang membuat perkampungan di Bandar meninggalkan Rembau dan berpindah ke kawasan baru iaitu di kawasan Linggi sekarang.
Disember	2. Raja Ibrahim daripada Selangor datang ke Rembau meminta bantuan menyerang Melaka.
1784 Januari	1. Orang Rembau dan tentera Selangor menyerang Melaka. 2. Orang Rembau Darat membantu Datuk Kelana Lela Bugis menentang Belanda di Simpang.
1787, Mei-Jun	Rembau membantu Sultan Mahmud Shah, sultan Riau-Lingga mengepung Dinding dan membuat pendaratan di pantai Pulau Pirang.
1790	1. Datuk Lulinsuh meninggal dunia. 2. Pekak dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-10 dengan gelaran Datuk Sedia Raja. 3. Pasah, seorang lagi calon pusaka penghulu yang tidak puas hati telah mengadukan hal kepada Sultan Mahmud Shah (1781-1812) di Lingga. Sebagai penyelesaian Pasah dikurniakan gelaran <i>Datuk Mangkubumi</i> yang bertaraf <i>Orang Besar Penghulu</i> dan jawatan ini kekal di kalangan waris Biduanda Jawa Kampung Tanjung.

hasil
ke us
2000 - akhir
tahun 1750

- 1795
1. Raja Hitam ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Seri Menanti di Penajih, Rembau.
 2. Datuk Pekak yang sedang uzur telah mewakilkan Datuk Perba Kosil pergi ke Melaka berunding dengan kerajaan Inggeris dan menandatangani persetiaan antara Rembau dengan Inggeris di Melaka.
 3. Datuk Perba Kosil enggan meletakkan taraf wakil sekembalinya dari Melaka. Beliau memaksa Datuk Pekak menyerahkan pusaka Penghulu kepadanya.
 4. Kosil dikerjankan sebagai Penghulu Rembau ke-11 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
 5. Raja Ali merampas kuasa Yang Dipertuan Muda Rembau daripada Raja Asil.
 6. Raja Asil mengundur diri ke Naning.
- 1795-96 Raja Asil meninggal dunia di Naning.
- Abad 19
- 1801-2
1. Tertubuhnya *Ikatan Suku Yang Lima* atau *Berlima Disebelah Baruh*.
 2. Penghulu Rembau dengan rasmi mengiktiraf kewujudan ikatan: *Berempat Berlima Suku Di Baroh* dan *Berlima Bersembilan Suku Di Darat* dalam kerajaan Rembau.
- 1808 Raja Lenggong Laut ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Nebatti di Penajih, Rembau.
- 1812
1. Datuk Lela Maharaja Kosil meninggal dunia.
 2. Bogok dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-12 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- 1819
1. Raja Ali bersama Raja Lenggong Laut mewujudkan institusi *Lembaga Yang Empat Di Darat*.
 2. Datuk Bogok meninggal dunia.
 3. Ngonit @ Reneh @ Ramah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-13 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
 4. Raja Ali pula melantik Pakat ahli waris suku Biduanda Jawa sebagai Penghulu Rembau. Perlantikan Pakat tidak mendapat pengiktirafan Lembaga Tiang Balai Rembau.
- Jun
5. Timmermorn Tysser, Gabenor Belanda di Melaka menghantar utusan menjemput penghulu dan Pembesar-pembesar Rembau ke Melaka.
 6. Semasa di Melaka mereka menandatangani suatu perjanjian persahabatan dengan Inggeris.
- 1824 Raja Lenggong Laut meninggal dunia.
- 1826
1. Raja Labu ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar di Penajih, Rembau oleh Penghulu Rembau, Penghulu Sungai Ujong dan Penghulu Naning. Baginda diberi gelaran Yamtuan Sati.
 2. Raja Labu menyerang Raja Ali.
- 1829 'Perang' antara Raja Labu dengan Raja Ali tamat.

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

1830	1. Raja Labu diusir keluar daripada Seri Menanti dengan perkenan Datuk Kelana Sungai Ujong. 2. Pembesar-pembesar Rembau ke Melaka mengadakan rundingan dengan Inggeris. Kedua-dua pihak bersetuju menandatangani suatu perjanjian.
1831 Ogos	1. Perang Nanning meletus. Rembau membantu Dni Said Penghulu Nanning.
19 Ogos	2. Syed Syaaban berpaling tadah membantu Inggeris dengan mendapat bayaran berjumlah \$500 Sepanyol.
30 November	3. Inggeris membuat perjanjian dengan Rembau; tetapi tidak sah kerana Lembaga Tiang Balai tidak berserta.
1832, 28 Januari	1. Pembesar-pembesar Rembau menandatangani perjanjian (membaharui perjanjian November 1831) di Simpang.
30 April	2. Syed Syaaban dan pengikutnya membantu Inggeris menyerang Nanning dan memainkan peranan penting memastikan kemenangan Inggeris.
13 September	3. Raja Ali mengisytiharkan dirinya sebagai <i>Yang Dipertuan Besar</i> Rembau dan Syed Syaaban telah dilantiknya menjadi Yang Dipertuan Muda.
21 Oktober	4. Ibbetson Gabenor Negeri-negeri Selat mengunjungi tempat kediaman Raja Ali di Bandar, Rembau.
1833 9 Januari	1. Perjanjian sempadan Rembau-Melaka ditandatangani.
23 Januari	2. Syed Syaaban mula menjalankan aktiviti mencukai lalu lintas perdagangan Sungai Linggi di Simpang.
September-November	3. Perang Rembau-Linggi meletus.
1834	1. Syed Syaaban melakukan percubaan membunuh Datuk Ngonit tetapi gagal. 2. Datuk Ngonit berserta Datuk Kelana dan Raja Radin memihak kepada Datuk Kattas Linggi menentang Syed Syaaban dan Raja Ali.
1836	1. Syed Syaaban dan Raja Ali diusir keluar daripada Rembau.
1837	- Raja Radin Yang Dipertuan Besar Seri Menanti melantik seorang ahli waris Biduanda Jakun daripada Kampung Chengkau belahan Chembong menjadi wakilnya di Rembau dengan gelaran <i>Datuk Raja Diraja</i>. Datuk ini diberi taraf Orang Besar Penghulu. 2. Institusi Yang Dipertuan Muda Rembau dihapuskan.
1843	1. Datuk Ngonit meninggal dunia. 2. Berlaku pertelingkahan mencari pengganti. 3. Akhir dipilih menjadi Penghulu Rembau yang ke-14 dengan gelaran Datuk Sedia Raja. Calon lain terutama Lebai Kulop tidak berpuas hati perlantikan Datuk Akhir itu. 4. Lebai Kulop memanjangkan tuntutananya itu dengan menggunakan senjata. 5. Rembau meminta jasa baik Datuk Kelana Kawal menjadi orang pengantara dalam pertelingkahan Datuk Akhir dengan Lebai Kulop.

LAMPIRAN

6. Datuk Kelana Kawal melantik seorang waris Bickanda Jakun Kampung Chengkau yang diberi gelaran *Datuk Menteri Penghulu* sebagai wakil khasnya di Rembau.
- 1844
1. Pembesar-pembesar Rembau mulai melibatkan diri dalam aktiviti mencukai di Sungai Linggi, khususnya di Simpang.
 2. Mula berlaku bertelingkahan sempadan di Sungai Linggi antara Rembau, Sungai Ujong dan Selangor.
- 1847
1. Syed Syaaban menyatakan kesanggupannya membantu Datuk Akhir memerangi Lebai Kulop dengan syarat beliau dilantik semula sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau.
 2. Satu majlis perundingan diadakan antara Pembesar-pembesar Rembau dengan Inggeris tentang Syed Syaaban itu.
 3. Inggeris menolak permintaan Syed Syaaban.
- 1848
1. Lebai Kulop meninggal dunia.
 2. Gelaran Datuk Menteri Penghulu, wakil Datuk Kelana dalam pertelingkahan Datuk Akhir dengan Lebai Kulop ditukar menjadi *Datuk Menteri Lela Perkasa*. Datuk ini diberi taraf Orang Besar Penghulu dan khas untuk disandang oleh waris Kampung Chengkau.
- 1850
1. Raja Ali meninggal dunia di Keru Tampin.
 2. Syed Syaaban diberi kuasa oleh Inggeris untuk memerintah Tampin dan direstui oleh Pembesar-pembesar Rembau. Beliau diberi gelaran *Tunku Besar Tampin*.
- 1851
- Inggeris mengadakan suatu pertemuan di Melaka antara Datuk Akhir, Datuk Kelana Kawal dan Raja Radin untuk menyelesaikan masalah pencukain di Sungai Linggi, khususnya kegiatan Lebai Kulop. Datuk Kelana tidak hadir. Datuk Akhir berjanji akan menyiasat perbuatan dan menghentikan aktiviti Lebai Kulop.
- 1855
1. Kegiatan mencukai di Sungai Linggi semakin bertambah dengan terlibatnya tiga orang pembesar lain.
- Ogos
2. Datuk Kelana Kawal menyerang tol-tol cukai di Sungai Linggi.
- 1857
- Kapal Perang *Amethyst* memusnahkan kubu pencukain di Pengkalan Kempas.
- 1859
1. Datuk Kulup Turuggal, Syahbandar Sungai Ujong melibatkan diri dalam pencukain di Sungai Linggi. Berlaku pertelingkahan antara Datuk Syahbandar dengan Datuk Kelana.
 2. Datuk Akhir diminta menjadi orang tengah dalam konflik Bander-Kelana itu.
 3. Datuk Akhir, Datuk Kelana dan Raja Radin menaikkan cukai ke atas pelombong China.
- 1860
1. Datuk Akhir memberi kuasa kepada Haji Musa untuk memungut cukai di Lubok China.
 2. Perbuatan ini menegangkan perhubungan Datuk Akhir dengan Datuk Kelana dan Datuk Kattas Linggi.

LAMPIRAN

Disember	7. Datuk Haji Sahil menyerang dan memusnahkan kubu Haji Mustapha.
1874, 13 Februari	8. Haji Mustapha mencari perlindungan di Singapura. 1. Suatu rundingan damai diadakan di Singapura. Datuk Haji Sahil tidak hadir tetapi menghantar wakil.
April	2. Orang Rembau melakukan kekacauan di Sungai Linggi.
2 Mei	3. Satu pertemuan diadakan di Kuala Linggi untuk menyelesaikan masalah cukai di Sungai Linggi. Datuk Haji Sahil tidak hadir kerana sakit.
3 Mei	4. Perjumpaan tersebut (2 Mei) dipindahkan ke Simpang. Datuk Haji Sahil tidak hadir tetapi mengirim surat menafikan penglibatannya dalam masalah cukai Sungai Linggi.
5 Mei	5. Inggeris memusnahkan benteng di Bukit Tiga.
